Pada hari ini, tidak hairan lagi penumpuan terhadap komunikasi dan pengkomputeran untuk peranti mudah alih berada di tahap yang kemuncak dan masih lagi sedang berjalan menuju evolusi untuk membawa kemudahan dan memanfaatkan fungsinya terhadap industri dan juga pengguna. Sebagaimana yang kita sedia maklum, telefon pintar sudah menjadi keperluan asas dalam kehidupan harian manusia. Teknologi telefon pintar berfungsi untuk memberi pesanan ringkas dan pesanan teks digantikan dengan fungsi seperti akses internet, e-mel, kamera aplikasi dan multimedia. Telefon bimbit atau telefon pintar didefinisikan sebagai alat yang sofistikated, dinamik serta bersifat mudah alih yang memberi ruang kepada pengguna untuk mendapat akses maklumat tidak kira bila dan di mana (Bouazza, Al Barashdi, & Jabur, 2014 2015). Dengan populariti dan fungsi yang ditawarkan di telefon pintar, wujud peningkatan permintaan. Dalam kebanyakan negara maju, telefon bimbit telah menjadi bahagian yang tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan seharian dan majoriti orang membawanya sepanjang masa. Telefon bimbit merupakan peranti mudah alih yang lebih fleksibel dibawa masyarakat pada zaman kini berbanding peranti teknologi yang lain (Ibrahim, 2016). Peranti mudah alih merupakan satu teknologi yang mempunyai saiz telefon bimbit yang dapat dimasukkan di dalam poket, mempunyai ciri-ciri khusus dan telefon pintar dan lain-lain peranti. Hal ini, keperluan kepada semua rakyat negara ini untuk memiliki telefon bimbit dan mampu mengakses internet adalah penting.

Kemunculan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi serta internet telah menjadi sebahagian daripada kehidupan setiap orang. Di peringkat global, masyarakat telah menggunakan teknologi baharu dan menjadi salah satu teknologi kemudahan terpenting yang diperlukan dalam kehidupan seharian setiap individu (Fawareh & Jusoh, 2017). Penggunaan rangkaian sosial telah menjadi popular dalam komunikasi seharian. Aplikasi rangkaian sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *LinkedIn* dan banyak lagi yang terkenal secara popular dalam dunia komunikasi (Riyanto, 2013). Aplikasi yang paling popular dalam kalangan pengguna ialah *WhatsApp*. *WhatsApp* adalah aplikasi platform pesanan segera untuk telefon pintar. Selain pesanan teks, pengguna juga dapat menghantar gambar, video, dan mesej media audio. Telefon bimbit memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian sebagai alat untuk berkomunikasi dan telah berjaya menarik minat terutamanya kepada golongan muda (Hamdan, Din & Abdul Manaf, 2012).

Telefon pintar adalah telefon bimbit dengan kemampuan pengkomputeran yang lebih maju dan penyambungan yang merangkumi fungsi seperti pemain media mudah alih, kelas rendah kamera digital padat, kamera video poket dan unit navigasi sistem kedudukan global (GPS). Telefon bimbit yang popular sistem operasi (OS) yang dipasang di telefon pintar merangkumi iOS Apple, Google Android, Symbian Nokia dan OS BlackBerry RIM. Telefon pintar telah menjadi diperlukan untuk pengguna dan ini telah meningkatkan permintaan telefon pintar di pasaran.

Gelandangan dan Telefon Bimbit

Golongan ini merupakan kelompok masyarakat yang tidak mempunyai rumah dan biasanya mereka berada di sekitar bandar-bandar besar. Kos seharian yang tinggi sehinggakan mereka tidak mampu untuk mencari dan menyewa rumah sebagai kediaman mereka. Mereka juga tidak terlepas bagi mengetahui mengenai penjagaan kesihatan dalam kehidupan mereka. Kebanyakan gelandangan menggunakan telefon bimbit sebagai alat berhubung dengan pelbagai rangkaian sosial seperti keluarga, adik-beradik dan rakan sebaya (McInnes, Li, &

Hogan, 2013). Beralih kepada penggunaan telefon bimbit dalam kalangan gelandangan, Eyrich-Garg (2010) mendapati bahawa 44% sampel gelandangannya mempunyai telefon bimbit dan menghabiskan masa antara 4 minit hingga 122 jam di telefon mereka pada masa 30 hari.

Akses telefon pintar dalam kalangan gelandangan juga penting bagi mengetahui maklumat penting negara terutama dalam sektor kesihatan. Hal ini kerana kesihatan merupakan faktor penting dalam meneruskan kehidupan seharian dan tubuh manusia yang digunakan dalam mencari rezeki. Menurut Moczygamba et al., (2017), telefon bimbit sangat berguna untuk dijadikan sebagai alat penghubung kepada sistem perubatan. Hal ini kerana golongan gelandangan sangat terdedah kepada risiko penyakit kronik seperti HIV, Diabetes, Asma, dan Schizophrenia. Oleh itu, telefon bimbit dapat membantu pesakit untuk mendapatkan maklumat perubatan dengan lebih mudah dan efektif. Menurut McInnes et al., (2014), penggunaan telefon bimbit memudahkan golongan gelandangan untuk menetapkan temu janji dengan pelbagai tetapan penjagaan kesihatan bagi mendapatkan rawatan kesihatan berkala. Oleh itu, penggunaan telefon sangat berfungsi sebagai medium yang sesuai bagi mendedahkan maklumat dan melancarkan proses rawatan kepada golongan tersebut.

Tingkah Laku Kebergantungan Terhadap Telefon Bimbit

Seiring dengan perkembangan teknologi, pelbagai fungsi dan ciri-ciri tersendiri telah membuatkan kebergantungan manusia lebih dekat kepada telefon. Telefon bimbit membawa pelbagai faedah kepada seluruh masyarakat. Manusia banyak bergantung kepada telefon bimbit kerana ia dapat menghubungkan antara satu sama lain tanpa mengira jarak fizikal. Peningkatan keberadaan teknologi digital telah meminggirkan mereka yang tidak mempunyai akses dan boleh memburukkan jurang kesihatan yang ada (Rhoades e tal., 2017). Walau bagaimanapun, sedikit kajian sebelumnya telah mengkaji penggunaan teknologi dalam kalangan orang dewasa yang kehilangan tempat tinggal. Rice et al., (2011) menunjukkan kelaziman telefon bimbit dalam kalangan belia tanpa tempat tinggal, walaupun penyelidikan dengan orang dewasa yang kehilangan tempat tinggal telah menemui kadar akses yang bercampur-campur (McInnes, et al., 2014).

Berdasarkan kajian-kajian lepas (McInnes et al., 2014; Rice et al, 2011; Rhoades et al., 2017), terdapat beberapa kepentingan telefon pintar kepada golongan gelandangan. Antaranya, telefon pintar berfungsi sebagai medium perhubungan sosial antara gelandangan dengan persekitarannya. Hal ini demikian kerana telefon pintar dapat membantu golongan gelandangan untuk terus berhubung dengan ahli keluarga dan rakan mereka. Komunikasi amat penting di dalam sesebuah percakapan untuk terus mengekalkan hubungan antara orang lain (Ishii, 2006). Menurut Le Dantec dan Edwards (2008), kebergantungan telefon bimbit dalam kalangan gelandangan ini dapat menghubungkan mereka dengan keluarga tersayang kerana mereka sangat bergantung kepadanya bagi memudahkan mereka untuk menghubungi sahabat dan keluarga mereka yang berada jauh. Selain itu, telefon bimbit ini juga membantu gelandangan ini untuk bersosial dengan rakan alam maya ini bagi mendapatkan sokongan sosial dan ia secara tidak langsung membantu mereka untuk meningkatkan keupayaan diri (Eyrich-Garg, 2010). Selain itu juga, telefon pintar dapat membantu mereka berhubung dengan agensi perubatan tertentu bagi mendapatkan sebarang rawatan daripada pakar psikiatri, pekerja sosial dan pekerja kes (McInnes et. al, 2014). Seterusnya, kajian terdahulu mendapati sebilangan besar gelandangan menggunakan telefon pintar sebagai penggera untuk bangun tidur dan penggera peringatan temujanji dengan pihak perubatan (Moczygamba, et al, 2017).

Aksesibiliti Telefon Sebagai Medium Komunikasi

Sejak kemunculan awal telefon bimbit di dunia ini, peranti ini lebih berperanan sebagai alat penghubung antara masyarakat tanpa mengira tempat dan jarak yang berbeza. Terdapat beberapa fungsi utama telefon bimbit antaranya menjadi alat penghubung antara masyarakat. Pelbagai manfaat yang boleh diterima oleh pengguna antaranya dapat menjimatkan kos kewangan. Menurut Simon dan Morshidi (2017), komunikasi merupakan suatu proses pembentukan, penyampaian, penerimaan dan pengolahan mesej yang berlaku di dalam diri seseorang atau di antara dua atau lebih dengan tujuan tertentu. Pemilikan telefon pintar telah menjadi sebahagian daripada keperluan dalam hidup seharian. Menurut kajian Hushin, Mustafa, dan Omar (2018), penggunaan telefon bimbit yang begitu meluas, telah membentuk budaya tersendiri dalam kalangan penggunaannya. Penggunaan telefon bimbit menjangkau lokasi yang lebih luas dan menyelesaikan masalah geografi dalam proses berkomunikasi. Telefon bimbit memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian sebagai alat untuk berkomunikasi dan telah berjaya menarik minat terutamanya kepada golongan muda (Hamdan, Din & Abdul Manaf, 2012).

Malaysia merupakan satu daripada lima tempat di dunia dengan penggunaan telefon bimbit lebih tinggi iaitu pada tahap 39%. Akibat daripada penggunaan teknologi yang pesat dan berkembang luas, ruang komunikasi atau pergaulan dengan individu serta masyarakat semakin tertutup. Menurut Manumpil, Ismanto dan Onibala (2015), fungsi telefon bimbit adalah bagi menyediakan medium media sosial untuk dicapai oleh penggunaannya dengan lebih mudah. Dengan erti kata lain, telefon bimbit yang mempunyai rangkaian internet ini dapat membantu pengguna untuk melangkah lebih jauh bagi mengetahui sesuatu perkara tidak kira dalam soal sosial, kesihatan mahupun pendidikan. Jurang digital ialah terdapat maklumat di dalam teknologi ini tidak dapat diikuti oleh masyarakat sekeliling kerana berlaku ketidaksamaan penggunaan teknologi maklumat dan komuniti yang semakin canggih (Tsatsou, 2011).

KERANGKA TEORITIKAL

Model Penerimaan Teknologi (TAM)

Teori yang pertama menjadi pilihan penyelidik adalah Teori Model Penerimaan Teknologi yang dikenali sebagai (TAM) dilihat selari dengan objektif kajian berikutan kedua-duanya mempunyai hubungkait tentang penggunaan teknologi dalam talian. Teori ini telah dikembangkan oleh beberapa pelopor iaitu daripada Adam et. al., (1992), Szajna (1994) dan Davis (1989). Teori dalam kajian ini telah mengukur berkaitan kebergantungan kepada rangkaian internet yang mempengaruhi pengguna sebagai alat komunikasi untuk berhubung dengan orang lain. Teori TAM ini diaplikasikan untuk mengukur kefahaman seseorang secara terus dengan menggunakan alat teknologi informasi terutamanya dalam kehidupan seharian mereka. Penggunaan sistem informasi kepada individu adalah bagi melaksanakan aktiviti dan penggunaannya menjadi perhatian untuk meneliti sesuatu untuk kemajuan suatu teknologi. Semakin banyak penggunaannya bermakna ia semakin bermanfaat dan memudahkan suatu sistem informasi. Tujuan dari TAM ini adalah untuk menjelaskan kelebihan-kelebihan utama kelakuan pengguna teknologi informasi terhadap penerimaan pengguna teknologi informasi itu sendiri. Model ini menyatakan bahawa pengguna sistem informasi akan dipengaruhi oleh variabel manfaat (*usefulness*) dan variabel kemudahan pemakaian (*ease of use*), di mana keduanya memiliki kaitan yang sangat dipercayai dan boleh diuji secara empirikal.

Teori Ketergantungan Media

Teori ketergantungan media memfokuskan kepada pendekatan sistematik untuk mengkaji kesan media massa kepada khalayak dan interaksi antara media, khalayak, dan sistem sosial. Teori ketergantungan diusulkan oleh Sandra Ball-Rokeach dan Melvin DeFleur pada tahun 1976. Teori ini menggabungkan beberapa perspektif seperti analisis psiko dan teori sistem sosial, pendekatan sistematik dan kasual dan elemen asas dari teori kegunaan dan kepuasan tetapi kurang memberi tumpuan kepada kesan. Teori ketergantungan media adalah salah satu teori, pertama seumpamanya yang menganggap khalayak sebagai bahagian aktif dalam proses komunikasi. Teori ketergantungan media sebenarnya diperluaskan dari teori kegunaan dan kepuasan. Fokus utama teori adalah hubungan antara media dan khalayak. Dalam masyarakat perindustrian dan berasaskan maklumat, individu cenderung mengembangkan ketergantungan pada media untuk memenuhi berbagai keperluan mereka, yang dapat berkisar dari keperluan untuk mendapatkan maklumat mengenai kedudukan dasar calon politik (untuk membantu membuat keputusan pemungutan suara) hingga keperluan untuk bersantai dan berhibur.

Terdapat tiga jenis kesan yang berpunca dari ketergantungan individu kepada media iaitu kognitif, efektif dan tingkah laku. Kesan kognitif adalah perubahan sikap, kepercayaan dan nilai audiens, termasuk perubahan yang dibawa oleh media dalam peranannya dalam "penetapan agenda" politik. Kesan efektif merangkumi, misalnya perkembangan perasaan ketakutan dan kegelisahan tentang tinggal di kawasan kejiranan tertentu sebagai akibat daripada pendedahan berlebihan terhadap laporan berita mengenai kejadian ganas di kawasan tersebut. Contoh kesan tingkah laku adalah "penonaktifan" yang terjadi ketika anggota penonton individu tidak mengambil tindakan tertentu yang akan mereka lakukan sekiranya mereka tidak terdedah kepada pesan tertentu dari media.

METODOLOGI

Rekabentuk Kajian

Pengkaji memilih untuk melakukan satu kajian kaedah kualitatif untuk menjawab objektif kajian. Reka bentuk kajian ini dipilih kerana ia memberi tumpuan kepada meneroka pandangan gelandangan terhadap kebergantungan dan aksesibiliti gelandangan terhadap telefon dalam menjalani kehidupan seharian.

Populasi, Sampel dan Teknik Persampelan

Populasi kajian ini adalah gelandangan yang berada di sekitar Kuala Lumpur. Dalam usaha untuk mengkaji pandangan gelandangan terhadap kebergantungan dan aksesibiliti telefon bimbit dalam menjalani kehidupan adalah penting untuk mempunyai sampel yang merangkumi kumpulan sampel yang menggunakan telefon bagi menjawab objektif kajian. Sampel yang akan dipilih adalah gelandangan di sekitar Kuala Lumpur. Bagi kajian kualitatif, pengkaji menetapkan bilangan sampel yang kecil untuk mengambil bahagian dalam kajian ini. Sampel kajian yang terdiri daripada anggaran 5 hingga 25 orang berdasarkan cadangan Cresswell (1998) bagi kajian fenomenologi. Kajian ini mengutilisasi dua jenis teknik persampelan bola salji dan persampelan bertujuan dalam mengenalpasti ciri-ciri kriteria gelandangan yang dilibatkan dalam kajian ini. Antara ciri-ciri yang diperlukan adalah hidup tanpa tempat tinggal yang stabil, mempunyai telefon bimbit, dan warganegara Malaysia.

Protokol Temu Bual

Penggunaan protokol temu bual dapat membantu pengkaji menyediakan struktur sesi temu bual yang lebih tersusun di samping dapat mengekalkan tahap fleksibiliti temubual tersebut. Sebelum temu bual dijalankan, protokol temu bual perlu disediakan dan pengesahan protokol temu bual perlu disemak oleh pakar-pakar dalam bidang kerja sosial dan keadilan sosial. Protokol temu bual kajian ini berbentuk separa berstruktur; iaitu terdiri daripada beberapa soalan utama berkaitan isu yang dikaji. Temu bual separa berstruktur juga membolehkan pengkaji bertanyakan soalan dan sub soalan yang lain untuk mendapatkan idea atau jawapan yang lebih mendalam daripada responden kajian. Panduan temu bual menyenaraikan soalan atau isu yang akan diterokai semasa temu bual. Panduan menyediakan topik atau bidang subjek di mana pengkaji bebas untuk meneroka, menyiasat, dan bertanya soalan yang akan menjelaskan dan menerangkan topik tertentu.

Analisis Data

Penulisan bahagian ini perlu dilakukan dengan berhati-hati dan pengkaji perlu menerangkan secara terperinci bagaimana analisis dilakukan. Terdapat beberapa proses analisis dan ia diguna pakai secara meluas dalam kajian kualitatif. Penyelidik perlu menyediakan data teks yang telah ditukarkan dalam bentuk transkrip verbatim sebelum analisis dilakukan. Proses penyalinan temu bual akan dilakukan secara manual dengan menggunakan microsoft word. Dalam proses penyalinan semula rakaman temu bual adalah perlu untuk menambah nota-nota yang dibuat sepanjang proses temu bual. Pengkaji memasukkan transkrip ke dalam perisian *Atlas.ti*. Kemudian, pengkaji akan mengekod dengan menggunakan analisis tematik iaitu bertujuan untuk mengenal pasti corak atau tema yang timbul dari setiap transkrip. Pengkaji mengumpulkan setiap kod-kod yang ditemui dan membentuk tema yang bersesuaian dengan objektif yang diperuntukkan. Setiap kod dan tema yang diperolehi dibincang dengan teliti di dalam subtopik seterusnya.

DAPATAN KAJIAN

Pofil Demografi dan Jenis Pemilikan Telefon Bimbit Informan

Pengkaji juga memaparkan profil demografi sosial informan gelandangan bekas banduan untuk kajian kualitatif dalam Jadual 5. Maklumat informan dalam jadual 5 adalah seperti jantina, umur, taraf pendidikan, status perkahwinan, pekerjaan, sumber pendapatan, tempoh menjadi gelandangan dan rekod pemenjaraan.

Kajian kualitatif ini melibatkan 9 orang informan dalam lingkungan 36 tahun hingga 61 tahun. Kesemua informan didapati berasal dari negeri yang pelbagai. Hanya seorang sahaja informan yang sememangnya membesar di Kuala Lumpur. Kesemua mempunyai tahap pendidikan yang rendah iaitu di antara sekolah rendah dan menengah. Hanya seorang daripada informan yang berjaya memiliki Diploma dari Giat MARA. Dari segi status perkahwinan, 6 orang telah bercerai, 2 yang masih bujang dan seorang telah tinggal berjauhan dengan pasangannya.

Hasil kajian mendapati 4 orang adalah penerima bantuan Baitulmal, 3 orang tidak mempunyai sebarang bentuk bantuan, seorang penerima pencen SOCSO, dan seorang mendapat elaun menjadi sukarelawan. Tempoh menjadi gelandangan di dalam lingkungan 3 tahun sehingga 20 tahun lamanya. Dari segi pemilikan telefon bimbit, 7 orang adalah pengguna telefon bimbit pintar manakala 2 lagi adalah telefon bimbit selular. Dari segi status pembelian

telefon, 4 orang membeli telefon baharu manakala 5 orang membeli secara terpakai. Berdasarkan dapatan kajian yang terkumpul, harga pembelian telefon dalam lingkungan RM100-RM300. Ia membuktikan para gelandangan menggunakan telefon dengan harga yang jauh lebih murah daripada telefon berjenama di luar. Kesemua menggunakan telefon bimbit untuk fungsi berkomunikasi. Pengkaji mendapati kesemuanya menggunakan pelan telekomunikasi prabayar berbanding pascabayar. Bagi yang menggunakan telefon bimbit pintar, kebanyakannya memuat turun pelbagai aplikasi media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *WhatsApp*, *Youtube* dan sebagainya. Ada dari kalangan mereka yang memuat turun aplikasi seperti *Bigo Live*, *TikTok* dan lain-lain yang lebih khusus. Daripada segi kekerapan penggunaan, hampir majoriti informan mengatakan penggunaan telefon yang kerap dan tinggi. Penggunaan telefon yang melebihi 3-7 kali sehari membuktikan tahap kebergantungan yang tinggi informan pada telefon bimbit. Ia memberi gambaran tentang penggunaan tingkah laku penggunaan telefon bimbit dalam kalangan gelandangan. Pengkaji akan membincangkan petikan temu bual yang ditemui tentang bentuk tingkah laku kebergantungan gelandangan terhadap telefon di dalam subtopik seterusnya.

PANDANGAN GELANDANGAN TERHADAP KEBERGANTUNGAN TELEFON BIMBIT DALAM MENJALANI KEHIDUPAN SEHARIAN

Menerusi kajian kualitatif, pengkaji telah menemui beberapa tema yang berkaitan bentuk tingkah laku kebergantungan terhadap telefon:

Menghabiskan masa menggunakan telefon

Dari segi kebergantungan terhadap telefon, pengkaji menemui tema tentang menghabiskan masa setiap hari dengan membelek telefon. Kebanyakannya mengatakan tentang penggunaan telefon yang panjang setiap hari. Pengkaji bertanya tentang jumlah masa seharian apabila menggunakan telefon. Antara petikan perbualan yang ditemui:

“Saya menghabiskan setiap saat membelek telefon. Hal ini kerana tiada apa yang ingin dibuat, maka saya tengok itu (telefon) sahaja”
(Syafiq/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

“Kebanyakan tengok video dalam telefon. Saya scroll bila tidak ada benda nak buat”
(Nazri/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ September 2020)

“Saya banyak bermain telefon juga setiap hari. Kadang tak perasan masa habis menengok telefon”
(Zainuddin/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

Bergantung pada telefon dalam mendapatkan maklumat

Selain itu, terdapat juga gelandangan yang bergantung kepada telefon untuk mendapatkan maklumat. Pelbagai maklumat yang mereka perolehi dari segi makanan, tempat tinggal, pekerjaan dan sebagai menerusi mesej di dalam telefon. Seseorang itu mempunyai kebergantungan yang tinggi kepada telefon bimbit kerana ia membolehkan seseorang itu memperoleh maklumat yang terkini. Hal ini dikatakan demikian kerana, ianya boleh digunakan untuk mengakses maklumat terkini secara pantas erti kata lain ianya dapat diperolehi hanya di hujung jari. Antara petikan temu bual yang mengatakan perkara ini adalah seperti berikut:

“Telefon ini membantu saya mendapatkan makanan sebenarnya. Mana-mana port (tempat) yang ada orang kasi makanan. Kita akan tahu. Orang beritahu dekat mesej”
(Firdaus/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

“Saya sering mendapatkan banyak benda dari telefon. Kadang-kadang pasal kerja kosong, makanan orang kasi, ada juga pasal Covid”
(Nazri/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

“Selalunya pasal makanan la. NGO ada beritahu bila nak turun. Kadang-kadang kawan kat sekitar sini akan sebar maklumat. Maka kita pergi la sebab nak makan kan”
(Eddy/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

“Masa PKP itu, banyak tahu pasal Covid dari telefon la. Kerajaan kasi bantuan (BSH, BPN) memang dekat telefon banyak maklumat orang kasi.”
(Afif/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

“Saya banyak bergantung dekat telefon gak bila pasal benda maklumat ini. Kadang-kadang hidup susah maca mini. Memang bantuan yang diperlukan”
(Zainuddin/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

Ketagih pada telefon

Selain itu, pengkaji dapat mengenalpasti tema ketagihan pada telefon sepanjang menemubual. Mereka membentuk suatu bentuk pergantungan yang kuat pada telefon.

“Masa kerja pun main telefon kadang-kadang. Tengok bila boss tak de. Saya main”
(Syafiq/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

“Kadang-kadang gelisah gak bila tak semak telefon, mesti nak tengok juga apa kawan-kawan hantar. Hampir setiap saat mesti tengok balik”
(Nazri/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

“Saya ni kadang-kadang macam tak perasan juga bila main telefon. Tengok-tengok masa sudah berlalu. Bila tak main telefon, masa jadi lama pula”
(Eddy/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

Selesa menghantar mesej berbanding bersemuka

Malahan, responden juga mengatakan lebih selesa untuk menghantar mesej berbanding bersemuka. Ia merupakan suatu bentuk tingkah laku kebergantungan pada telefon yang dapat dikenalpasti di mana mereka lebih selesa untuk berkomunikasi di sebalik telefon ini. Selain itu, sebagai alat perhubungan dan komunikasi jarak jauh juga merupakan penyebab telefon bimbit mempunyai kebergantungan yang sangat tinggi dalam kalangan gelandangan. Tujuan utama penggunaan telefon bimbit adalah untuk memudahkan gelandangan berhubung dengan mudah walaupun berada jauh melalui penggunaan video call, SMS dan lain-lain. Kemudahan ini bukan sahaja untuk memudahkan gelandangan menghubungi pihak keluarga dan rakan-rakan, malah menjadi tempat untuk mereka mendapatkan pelbagai maklumat mahupun menjadi medan untuk mereka bersosial. Antara pandangan yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

“Saya selesa mesej lagi dari jumpa depan-depan. Saya rasa selesa la sebab saya boleh fikir dulu apa yang nak dibalas”

(Firdaus/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

“Menulis mesej ini macam seronok sebab kita balas membalas komen orang. Kalau tengok orang kat kedai makan, dorank banyak main telefon, dorank bukan nak bercakap pun”

(Eddy/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

“Kadang-kadang orang itu ada je kat area situ, Tapi saya pilih hantar mesej. Dengan ada telefon, hidup jadi mudah. Tak yah saya nak bergerak cari dia”

(Afif/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

Penemuan kajian menunjukkan golongan gelandangan turut bergantung kepada telefon dalam beberapa aspek kehidupan. Hal ini mengesahkan lagi bahawa kehidupan pada zaman kemajuan teknologi dan komunikasi ni amat memerlukan seseorang itu memiliki telefon bimbit bagi memudahkan pelbagai urusan harian selain untuk tujuan perhubungan sosial dan hiburan.

PANDANGAN GELANDANGAN TERHADAP AKSESIBILITI TELEFON BIMBIT DALAM MENJALANI KEHIDUPAN SEHARIAN

Menerusi kajian kualitatif, pengkaji telah menemui beberapa tema yang berkaitan bentuk aksesibiliti dengan telefon:

Keupayaan untuk berkomunikasi dengan orang ramai (termasuk keluarga dan rakan-rakan)

Tema pertama yang ditemui tentang aksesibiliti menunjukkan penggunaan telefon bimbit sebenarnya memudahkan proses komunikasi. Para informan dapat menggunakan telefon bimbit untuk berhubung dengan ahli keluarga serta rakan terdekat. Keadaan ini menjadikan aksesibiliti mereka terhadap proses komunikasi yang berjalan menerusi penggunaan telefon bimbit. Antara verbatim yang terkumpul adalah seperti berikut:

“Penggunaan telefon bimbit sebenarnya memudahkan proses komunikasi dengan ahli keluarga. Saya juga boleh berhubung dengan rakan”

(Syafiq/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

“Telefon ini membuatkan kita dapat berhubung dengan orang ramai, macam keluarga, adik beradik. Saya kerap menghubungi mereka untuk bertanya khabar”

(Nazri/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

“Telefon banyak memberi kelebihan untuk perhubungan. Saya banyak berhubung dengan orang ramai. Selalu saya hubungi keluarga atau kawan-kawan. Saya dengan mudah tahu aktiviti yang mereka lakukan”

(Eddy/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

“Dengan telefon saya mudah untuk berhubung dengan ahli keluarga saya di kampung”

(Afif/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

Harga telefon yang sudah mampu milik

Selain itu, aksesibiliti para responden terhadap telefon menjadi mudah apabila harga telefon yang sudah mampu milik. Hal ini kerana terdapat pelbagai jenama telefon yang telah dijual dengan harga yang berpatutan dan mudah untuk dimiliki oleh para gelandangan. Mereka ada menyebutkan harga telefon bimbit pintar yang serendah RM 100 yang boleh didapatkan di sekitar Kuala Lumpur. Keadaan ini telah memudahkan aksesibiliti mereka terhadap telefon bimbit. Antara petikan verbatim yang menyebut tentang perkara ini dilampirkan seperti berikut:

“Sekarang harga telefon pun sudah murah. Kalau kat area Chow Kit ini, RM 100 pun ada untuk telefon bimbit pintar yang baru”

(Firdaus/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

“Saya tengok orang dah tidak susah nak ada telefon bimbit pintar. Ada pelbagai harga. Banyak juga yang murah ditawarkan”

(Nazri/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

“Harga sekarang sudah banyak murah. Semua orang sudah mampu untuk membeli. Saya tengok ramai juga gelandangan menggunakan telefon bimbit pintar pada hari ini”

(Faiz/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

“Banyak telefon bimbit pintar yang sudah dijual murah. Sebab itu ramai orang sudah boleh nak beli”

(Afif/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

“Hari ini, sudah banyak telefon bimbit pintar yang mula dijual murah. Ada pelbagai jenama. Kadang-kadang RM 200 ke RM 300 boleh dapat satu telefon bimbit pintar yang baru”

(Zainuddin/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

Penggunaan telefon bimbit yang mudah dengan kepelbagaian aplikasi

Aksesibiliti terhadap telefon bimbit ini ternyata tinggi apabila penggunaannya yang sangat mudah. Malahan telefon bimbit menawarkan pelbagai aplikasi yang boleh dimuat turun oleh para informan. Kesemua ini menjadikan aksesibiliti telefon bimbit dalam kalangan gelandangan lebih mudah. Pengkaji melampirkan verbatim seperti berikut:

“Paling seronok mengenai telefon bimbit ini sebab ia mudah digunakan. Banyak aplikasi yang boleh dimuat turun”

(Syafiq/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

“Telefon bimbit mempunyai pelbagai aplikasi. Sebab itu orang ramai nak guna telefon bimbit pintar hari ini”

(Nazri/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

“Saya suka telefon bimbit pintar sebab banyak aplikasi dalam tu. Selain itu cara penggunaan tak begitu susah. Senang nak faham”

(Faiz/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

Menyediakan medium media sosial

Selain itu, pengkaji mendapati aksesibiliti telefon bimbit disebabkan oleh wujudnya pelbagai medium media sosial pada hari ini. Terdapat pelbagai aplikasi media sosial yang boleh dimuat turun. Antaranya seperti Facebook, *WhatsApp*, Instagram dan sebagai. Rata-rata menyebutkan tentang penggunaan Facebook dan *WhatsApp* sebagai medium mereka berkomunikasi dengan orang ramai. Ternyata aplikasi sebegini menjadi pilihan dalam kalangan pengguna. Pengkaji melampirkan petikan verbatim yang menyebut tentang perkara seperti berikut:

“Telefon bimbit pintar menawarkan aplikasi media sosial. Ada yang suka main Facebook. Ada juga yang muat turun Whatshap. Senang nak bersosial dalam itu”
(Syafiq/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

“Saya banyak memuat turun aplikasi medial sosial seperti Facebook dan Whatshap”
(Eddy/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

“Dengan menggunakan telefon, saya boleh buka Facebook. Saya juga ada Whatshap Group. Saya banyak membuat Whatshap Group dengan keluarg dan kawan-kawan sekolah saya dulu”
(Zainudin/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

Menyelesaikan masalah geografi dari segi perhubungan

Kelebihan telefon bimbit dari segi aksesibiliti apabila ia menyelesaikan masalah geografi dari segi perhubungan. Para informan dapat menghubungi keluarga dan rakan-rakan yang duduk di geografi berbeza dengan merek. Keadaan ini memudahkan perhubungan dan komunikasi dengan lancar. Pengkaji melampirkan verbatim seperti berikut:

“Telefon ini mudahkan perhubungan. Kita boleh hubungi orang yang duduk jauh dari kita”
(Eddy/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

“Kelebihaan telefon bimbit bila boleh menghubungi yang tinggal jarak jauh di kampung. Kita di Kuala Lumpur, boleh hubungi keluarga di Kedah”
(Ishak/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

“Dari segi penjarakkan sudah tiada masalah. Menerusi telefon bimbit, kita boleh hubungi sesiapa yang kita nak”
(Ikram/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

Mempunyai rangkaian Inernet namun terhad

Dan akhir sekali dari segi aksesibiliti terhadap telefon bimbit, rata-rata mengatakan tentang mempunyai rangkaian internet namun ia didapati sangat terhad. Kebanyakan mereka menggunakan pelan prabayar dengan kuota internet yang jauh lebih mudah. Keadaan ini menyukarkan proses aksesibiliti terhadap informasi dan teknologi apabila gelandangan sebenarnya mengalami akses yang terhad. Pengkaji melampirkan verbatim seperti berikut:

“Sememangnya kita mempunyai akses kepada internet tapi malangnya ia agak terhad. Kadang-kadang tengok movie pun sudah habis data”

(Syafiq/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

“Kadang-kadang masalah rangkaian internet. Sebab kita guna prabayar, internet data berapalah yang ada”

(Firdaus/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

“Memang cepat makan data walaupun ada internet”

(Eddy/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

“Saya sering berhati-hati bila menggunakan internet. Kalau tidak perasan memang boleh habis internet. Saya guna prabayar. Memang internet yang ada sangat limited (terhad)

(Faiz/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

“Saya hanya mampu menggunakan internet prabayar kerana saya tidak mahu komitmen bulanan. Bila guna internet prabayar, maka kouta yang ada pun tidak banyak. Selalu mudah habis jika saya tidak berhati-hati menggunakan”

(Afif/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

“Kouta internet tidak banyak sebab saya menggunakan pelan prabayar. Selalu saya guna untuk benda-benda penting macam berkomunikasi dan sebagainya”

(Zainudin/ Lokasi tempat: Jalan Chow Kit, K.L/ Disember 2020)

PERBINCANGAN

Seiring dengan perkembangan teknologi, pelbagai fungsi dan ciri-ciri tersendiri telah membuatkan kebergantungan dan aksesibiliti gelandangan menjadi lebih dekat kepada telefon. Kajian telah membuktikan telefon bimbit telah memberi pelbagai faedah kepada gelandangan. Telefon bimbit kini tidak lagi menjadi kehendak dalam kalangan gelandangan malah ia merupakan keperluan asas dalam menjalankan kehidupan seharian. Terdapat pelbagai keperluan yang dapat digunakan hasil daripada penggunaan telefon dapat dikenalpasti menerusi dapatan mengenai aksesibiliti mereka terhadap telefon bimbit ini. Telefon bimbit adalah keperluan asas kerana tanpa telefon bimbit masyarakat tidak boleh mengakses pelbagai kemudahan yang terdapat dalam aplikasi tersebut. Jika dilihat dari penemuan dapatan yang diperolehi menunjukkan para gelandangan ini bergantung kepada telefon bimbit ialah kerana ia dapat menghubungkan mereka dengan orang lain. Tambahan pula, penggunaan telefon bimbit ini dapat membantu gelandangan untuk berhubung dengan kenalan (Eyrich-Garg, 2010). Gelandangan menggunakan telefon untuk berhubung dengan saudara mara jika jarak menjadi halangan untuk mereka berjumpa. Dengan cara ini, mereka dapat mengetahui perkembangan antara satu sama lain walaupun jarak jauh. Disebabkan keadaan hidup yang tidak stabil, pengkaji mendapati telefon bimbit dan akses Internet sebagai medium yang sangat penting untuk mengekalkan hubungan sosial dan perkhidmatan dalam kalangan gelandangan (Eyrich-Garg, 2010). Kepentingan telefon pintar dalam kehidupan gelandangan ini tidak boleh dinafikan lagi kerana peranti mudah alih ini membawa banyak manfaat kepada kelompok ini. Selain itu, fungsi telefon bimbit dan telefon pintar yang mampu mengakses internet setiap masa, ia juga dapat mencari dan memperoleh maklumat semasa (Yahya, Abdullah, & Masdar, 2019).

Kebergantungan gelandangan terhadap telefon bimbit adalah bertujuan untuk menghubungkan mereka dengan pelbagai kemudahan dan aplikasi. Selain itu, gelandangan bergantung kepada telefon bimbit ini disebabkan untuk mendapatkan hiburan dengan mendengar muzik dan menonton filem. Fenomena ini berlaku kerana perkembangan drastik dalam teknologi komunikasi dan maklumat, hubungan dan rangkaian sosial menerusi penggunaan telefon bimbit. Dengan peredaran masa sekarang ini, telefon bimbit diciptakan semakin canggih untuk memenuhi keperluan harian seseorang manusia. Hal ini kerana dengan hanya satu telefon bimbit urusan harian seseorang dapat dilakukan dan diselesaikan dengan cepat. Implikasi teoritikal daripada kajian ini adalah melibatkan model penerimaan teknologi dan dikembangkan lagi oleh beberapa peneliti seperti Adam et al., (1992), Szajna (1994), dan teori kebergantungan media yang diperkenalkan oleh Sandra Ball-Rokeach dan Melvin DeFleur. Model dan teori ini telah dipilih oleh pengkaji kerana mempunyai hubungkait yang sangat rapat dengan tajuk kajian iaitu kebergantungan gelandangan terhadap penggunaan telefon pintar.

Berdasarkan model penerimaan teknologi yang digunakan untuk melihat pemahaman gelandangan yang secara terus menerus menggunakan teknologi informasi dalam kehidupannya. Hal ini didapati penggunaan sistem informasi pada gelandangan untuk melakukan aktiviti dan pemanfaatannya. Menurut Model TAM ini, manfaat yang boleh dicapai adalah individu yang menggunakan aplikasi percaya dan yakin bahawa aplikasi tersebut mampu membantu mereka untuk melaksanakan aktiviti harian. Model TAM didapati selari dengan dapatan yang diperolehi. Gelandangan memperoleh pelbagai manfaat daripada hasil penggunaan. Konsep model TAM ini menjelaskan bahawa individu yang menggunakan sistem informasi ini dapat memudahkan seseorang pengguna sesuai dengan tujuan dan keinginan seseorang apabila melayari internet. Gelandangan didapati sangat bergantung dan memerlukan akses kepada telefon ini.

Manakala menurut teori kebergantungan pula, terdapat hubungan dalaman antara media, khalayak dan sistem sosial yang besar. Penonton yang belajar dari kehidupan nyata adalah terhad, sehingga mereka dapat mengaplikasikan media untuk mendapatkan lebih banyak maklumat bagi memenuhi keperluan mereka. Penggunaan media yang meluas akan menghasilkan hubungan yang saling berkait dengan khalayak. Ternyata gelandangan menunjukkan kebergantungan yang tinggi kepada telefon bimbit. Dalam kajian ini telefon bimbit yang merujuk kepada media telah dapat mewujudkan hubungan ketergantungan dengan khalayak sasaran untuk mencapai tujuan mereka dengan menggunakan kekuatan media. Teori ketergantungan menganggap ketergantungan sebagai hubungan dimana pemenuhan keperluan dan tujuan satu pihak bergantung pada sumber daya pihak lain.

Penggunaan telefon bimbit didapati telah banyak digunakan dalam kalangan gelandangan khususnya dalam menjalani kehidupan jalanan. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan telefon bimbit pada masa sekarang adalah menjadi satu kepentingan dan bukannya sekadar keperluan semata-mata. Akses kepada pelbagai media sosial seperti *Facebook* dan *WhatsApp* memberi pelbagai kelebihan dari segi komunikasi buat golongan ini. *Facebook* merupakan antara aplikasi media sosial yang menjadi pilihan yang sangat tinggi dalam kalangan gelandangan. Begitu juga *WhatsApp* di mana membenarkan pengguna menggunakan sambungan internet untuk menghantar mesej antara satu sama lain. *WhatsApp* adalah seperti program atau aplikasi berbual untuk telefon bimbit. Telefon pintar semakin popular dan aplikasi *WhatsApp* tersedia untuk hampir semua telefon pintar. Telefon bimbit sudah menjadi universal apabila ia berfungsi bukan hanya untuk menerima panggilan atau menghantar pesanan ringkas sahaja, malahan berfungsi untuk mencari maklumat, membaca berita, kamera, diari harian dan sebagainya yang dapat memudahkan pihak pengguna (Sinar, 2016). Tambahan pula, apabila keadaan negara yang dilanda virus Covid-19 ini, banyak aktiviti dijalankan dan maklumat disalurkan secara dalam talian.

Secara keseluruhannya, telefon bimbit adalah cara terbaik untuk terus berhubung dengan orang lain dan membentuk aksesibiliti kepada pelbagai perkhidmatan dan maklumat kepada pengguna. Telefon bimbit moden mampu mengakses internet, mengirim dan menerima foto dan dokumen dan beberapa telefon bimbit dilengkapi dengan pelbagai teknologi. Walau bagaimanapun, hasil kajian yang terakhir telah menunjukkan gelandangan ini walaupun mempunyai akses kepada internet namun mempunyai kouta yang terhad. Ia berpunca daripada penggunaan pelan prabayar yang menawarkan pelan yang minima. Keadaan ini menjadikan terdapat aksesibiliti terhad apabila membincangkan tentang rangkaian internet dalam kalangan mereka. Keadaan ini membawa kepada keperluan dalam meningkatkan aksesibiliti dalam kalangan gelandangan ini agak mereka tidak tersisih daripada maklumat dan informasi yang wujud di dalam negara.

CADANGAN

Bagi agensi yang sedang dalam proses, atau memulai pembaharuan perkhidmatan, penemuan ini menunjukkan potensi untuk menggunakan platform dalam talian dan mudah alih untuk menyampaikan perkhidmatan kepada dan melibatkan pelanggan yang hidup gelandangan. Ramai dalam kumpulan ini tidak ketinggalan dalam aspek teknologi. Pada masa yang sama, walaupun memiliki telefon bimbit adalah perkara biasa bagi ramai gelandangan, namun mendapatkan akses kepada internet yang tinggi masih menjadi kesukaran. Lebih-lebih lagi, dalam kelompok ini, ada sebilangan yang mengalami kesulitan kerana kos dan syarat pelan pascabayar. Adalah penting untuk mendapatkan maklumat mengenai keperluan untuk memiliki telefon bimbit tidak didorong terutamanya oleh keinginan untuk memiliki atau menaik taraf ke alat terkini. Bagi orang yang bergelandangan, ini adalah masalah untuk bertahan hidup - tidak ada alternatif lain seperti telefon rumah atau sambungan jalur lebar untuk digunakan ketika tiada tempat tinggal. Berbagai aktiviti yang merupakan bentuk asas penyertaan sosial dan ekonomi, termasuk mengakses perkhidmatan kecemasan, bantuan perubatan dan sokongan krisis, bergantung pada akses siap ke telefon.

Keperluan ini disertakan dengan kos agar perkhidmatan dalam talian dan mudah alih dapat diakses dan bermanfaat bagi kumpulan ini, kos akses dan halangan dan batasan khusus yang dihadapi oleh pengguna yang kehilangan tempat tinggal harus ditangani. Terdapat sebilangan cara penyedia perkhidmatan mudah alih serta perkhidmatan kerajaan dan sokongan dapat menyumbang ke arah tujuan ini. Satu set cadangan yang ditujukan kepada kumpulan-kumpulan ini, dan dipandu oleh prinsip-prinsip kesinambungan perkhidmatan, kemampuan dan fleksibiliti akses. Cadangan bagi meningkatkan capaian internet dalam kalangan gelandangan dan golongan lain yang kurang berkemampuan. Antara apabila internet service provider/ telco dapat memperkenalkan program subsidi/diskaun untuk pembelian data internet. Telco ini boleh melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dengan memberi data internet percuma. Selain itu juga, boleh melakukan kerjasama dengan syarikat pengeluar telefon untuk menyediakan pakej pemilikan telefon bimbit berserta data internet dengan harga yang mampu dimiliki oleh golongan tersebut. Manakala di peringkat Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia boleh membentuk inisiatif untuk menyediakan jaringan internet percuma di sekitar Kuala Lumpur bagi kemudahan gelandangan. SKMM boleh mula memikirkan kaedah dalam membolehkan penyediaan hotspot internet yang dapat membantu gelandangan untuk peluang kepada internet. Di samping itu, pelbagai program secara bersama dalam meningkatkan produktiviti gelandangan. Usaha sebegini sebenarnya boleh memberi impak baik di peringkat mikro dan juga makro.

Di peringkat mikro, cadangan di atas mampu membantu gelandangan meningkatkan akses kepada maklumat kesihatan sekaligus mengurangkan jurang digital yang wujud di antara golongan gelandangan dengan golongan yang lebih berkemampuan. Manakala di peringkat

makro, cadangan di atas mampu menyerlahkan lagi fungsi SKMM dalam mengoptimumkan penggunaan telekomunikasi, meningkatkan tahap kepuashatian pengguna, meningkatkan capaian perkhidmatan dan membantu bagi mencapai agenda negara untuk menjadi sebuah industri komunikasi yang cekap dan berdaya saing.

KESIMPULAN

Kajian ini telah meneroka tahap kebergantungan dan aksesibiliti telefon bimbit dalam kalangan gelandangan. Jurang digital di antara golongan gelandangan dan golongan masyarakat biasa sangat ketara. Walaupun informan kajian mampu menggunakan telefon pintar, akses kepada internet dalam kalangan gelandangan agak terhad memandangkan tidak semua mampu membeli data internet. Akses penggunaan telefon bimbit dalam kalangan gelandangan lebih menjurus alat perhubungan dengan keluarga dan rakan-rakan di samping untuk tujuan hiburan dan mencari maklumat. Ternyata, di sebalik kekurangan yang dialami dan kepayahan hidup, golongan gelandangan juga memerlukan telefon bimbit dan telefon bimbit turut memberi manfaat kepada mereka.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang telah memperuntukkan satu geran penyelidikan sebanyak RM10,000 dengan nombor kod S/O 14770 bagi menjayakan kajian ini.

RUJUKAN

- Adams, D. A., Nelson, R.R., & Todd, P.A. (1992). Perceived usefulness, ease of use, and usage of information technology: a replication, *MIS Quarterly*, 16(2), 227-247.
- Bouazza, A., Al Barashdi, H.S., & Jabur, N.J. (2014). Smartphone Addiction among University Undergraduates: A Literature Review. *Journal of Scientific Research and Reports* 4(3). doi: 10.9734/JSRR/2015/12245
- Creswell, J. (1998). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five traditions*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications, Inc..
- Eyrich-Garg, K. M. (2010). Mobile Phone Technology: A New Paradigm for the Prevention, Treatment, and Research of the Non-Sheltered "Street" Homeless?. *Journal of Urban Health*, 87(3), 365-380.
- Fawareh H. M. A., & Jusoh, S. (2017). The Use and Effects of Smartphones in Higher Education. *IJIM*, 11(6). <https://online-journals.org/index.php/ijim/article/download/7453/4702>
- Hamdan, A., Din, R. & Abdul manaf, S.Z. (2012). Penerimaan M- Pembelajaran dalam Sistem Pendidikan di Malaysia. The Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT): Satu Analisis Literatur. UKM, Malaysia 1st International Conference on Mobil Learning, Applications, and services (mobilcase2012).
- Hushin, S. H. A., Mustafa, H., & Omar, B. (2018). Pengaruh Budaya dan Lokasi Terhadap Persepsi dan Penggunaan Telefon Bimbit di Tempat-Tempat Awam: Satu Analisis Perbandingan Antara Beberapa Negara. *Sains Humanika*, 10(1).

- Ibrahim, N. (2016). Kesan perantaraan perilaku tabiat pelajar dan hubungan antara faktor peramal terhadap perilaku penggunaan sebenar telefon bimbit dalam aktiviti akademik. 1-157
- Ishii, K. (2006). Implication of mobility: The uses of personal communication media in everyday life. *Journal of Communication*, 56, 346-356. Doi:10.1111/j.1460-2466.2006.00023.x
- Le Dantec, C. A., & Edwards, W. K. (2008). Designs on dignity: Perceptions of technology among the homeless. *Proceeding of the twenty-sixth annual CHI conference on Human factors in computing systems - CHI '08 - Designs on dignity*, 627–636.. doi:10.1145/1357054.1357155
- Manumpil, B., Ismanto, A.Y., Onibala, F. (2015). Hubungan penggunaan gadget dengan tingkat prestasi siswa di SMA Negeri 9 Manado. *ejournal Keperawatan*, 3(2) 1-6.
- McInnes, D. K., Li, A. E., & Hogan, T. P. (2013). Opportunities for engaging low-income, vulnerable populations in health care: a systematic review of homeless persons' access to and use of information technologies. *American journal of public health*, 103(S2), e11-e24.
- McInnes, D. K., Sawh, L., Petrakis, B. A., Rao, S. R., Shimada, S. L., Eyrich-Garg, K. M., ... & Smelson, D. A. (2014). The Potential for Health-related Uses of Mobile Phones and Internet with Homeless Veterans: Results from a Multisite Survey. *Telemedicine and e-Health*, 20(9), 801-809.
- Moczygamba, L. R., Cox, L. S., Marks, S. A., Robinson, M. A., Goode, J. V. R., & Jafari, N. (2017). Homeless patients' perceptions about using cell phones to manage medications and attend appointments. *International Journal of Pharmacy Practice*, 25(3), 220-230.
- Park, N., & Lee, H. (2012). Social Implications of Smartphone Use: Korean College Student's Smartphone Use and Psychological Well-Being. *CyberPsychological, Behaviour & Social Networking*, 15(9), 491-497.
- Rice, E., Lee, A. & Taitt, S. (2011). Cell phone use among homeless youth: Potential for new health interventions and research. *Journal of Urban Health* 88(6): 1175– 1182. doi:10.1007/s11524-011-9624-z
- Rhoades, H., Wenzel, S. L., Rice, E., Winetrobe, H., & Henwood, B. (2017). No digital divide? Technology use among homeless adults. *Journal of Social Distress and the Homeless*. doi:10.1080/10530789.2017.1305140
- Riyanto, A. (July 2013). English language learning using whatsapp application. Akhmad Rianto, Love for All, Hatred for None. WordPress, the Splendid Theme. <https://eric.ed.gov/?q=whatsapp&ft=on&id=EJ1083503>
- Simon, H, & Morshidi, A. (2017). Teknologi komunikasi dan maklumat Malaysia. https://www.google.com/url?sa=t&source=web&rct=j&url=https://www.researchgate.net/publication/315457295_TEKNOLOGI_KOMUNIKASI_DAN_MAKLUMAT_MALAYSIA&ved=2ahUKEwi689Xjmb_vAhUSzTgGHYbAD5AQFjABegQIFxAC&u sg=AOvVaw0csyfk459LWqGAo0x5g8kg&csid=1616254727963
- Sinar, H. (2016). *Keperluan teknologi*. <http://repo.uum.edu.my/19073/1/SH10082016Supplement.pdf>
- Szajna, B. (1996), Empirical Evaluation of the Revised Technology Acceptance Model Management Science, 42(1), 85-92.
- Tsatsou, P. (2011). Digital divides revisited: what is new about divides and their research? *Journal Media, Culture & Society*, 33(2), 317–331. doi:10.1177/0163443710393865
- Yahya, M.S.S., Abdullah, M.N., & Masdar, N.F. (2019). Kajian kes tahap keberkesanan penggunaan antara telefon bimbit dan waklie talkie dalam melaksanakan tugas di Ibu Pejabat Polis Sabak Bernam, Selangor. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial*, 2(5), 81-97

LAMPIRAN

Jadual 5: Demografi responden dan penggunaan telefon

No	Nama	Umur	Asal	Tahap Pendidikan	Status perkahwinan	Pekerjaan	Sumber pendapatan	Tempoh gelandangan	Jenis telefon	Status telefon	Tujuan	Servis perkhidmatan	Jenis aplikasi	Kekerapan menggunakan telefon
1	Syafiq	55	Pulang Pinang	Tingkatan 3	Bujang	Menganggur (mempunyai penyakit darah tinggi)	Baitulmal (RM400 sebulan)	10 Tahun	Pintar (Huawei)	Second hand (RM300)	Berhubung	Prabayar (Umobile)	Tiada	3-4 kali sehari
2	Firdaus	37	Perak	Diploma (Giat MARA)	Kahwin (sudah lama berjauhan dengan pasangan)	Penganggur	Tiada	10 tahun	Pintar	Second had (RM80) (Samsung)	Berhubung	Prabayar	Instagram Facebook Whatsapp mysejahtera	4-5 kali sehari
3	Nazri	48	Melaka	Tingkatan 2	Bercerai (3 orang anak)	Menjual produk cawan (tidak boleh bekerja - OKU)	Pencen Socso	10 tahun	Pintar	Baru (RM300) (Oppo)	Berhubung	Prabayar (Maxis)	Instagram Facebook Whatsapp Youtube Mysejahtera	2-3 kali sehari
4	Eddy	51	Pulau Pinang	SPM	Bercerai (Satu anak)	Penganggur	Tiada	10 Tahun	Pintar	Baru	Berhubung	Prabayar	Facebook dan Whatsapp	6-7 kali
5	Faiz	36 Tahun	Pulau Pinang	Tingkatan 2	Bercerai (satu anak)	Sukarelawan (masih tidak bekerja secara formal kerana kebimbangan)	Elaun menjadi sukarelawan	5 Tahun	Pintar (Xiomi Note 5)	Baru (beli sendiri)	Berhubung	Prabayar (Maxis)	Youtube Mysejahtera Whatsapp Facebook Telegram	Kerap

LAMPIRAN

Jadual 5: Demografi responden dan penggunaan telefon

No	Nama	Umur	Asal	Tahap Pendidikan	Status perkahwinan	Pekerjaan	Sumber pendapatan	Tempoh gelandangan	Jenis telefon	Status telefon	Tujuan	Servis perkhidmatan	Jenis aplikasi	Kekerapan menggunakan telefon
6	Ishak	38	Asal dari Johor. Membesar di Kuala Lumpur	Darjah 6	Bercerai (dua orang anak)	Penganggur	Tiada	6 Tahun	Selular (Nokia) (Second hand)	Second hand	Berhubung	Prabayar (Digi)	Tidak berkaitan	Tidak kerap
7	Ikram	39 Tahun	Negeri Sembilan	Tingkatan 3	Bercerai (anak satu)	Penganggur	Baitulmal (RM400)	3 Tahun	Selular (Sony Ericson)	First hand (sudah 10 tahun)	Berhubung	Prabayar (Celcom)	Tidak berkaitan	Kerap
8	Afif	61 Tahun	Negeri Sembilan	Tingkatan 5	Bercerai (2 orang anak)	Penganggur	Baitulmal (RM300)	20 Tahun	Smart phone	Second hand (RM100)	Berhubung	Prabayar	Facebook Whatsapp	Kerap
Kempen kesihatan awam di Malaysia didapati masih kurang mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan masyarakat (Siti Faidul Maisarah, 2017). Masyarakat lebih cenderung untuk mengambil sikap acuh tidak acuh terhadap gerak kerja kempen kesihatan awam yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Hal ini dibuktikan menerusi tahap kepatuhan terhadap PKP sejak ianya dikuatkuasakan bermula fasa pertama sehingga fasa kedua. Saranan YAB Perdana Menteri kepada rakyat keseluruhannya untuk berada di rumah seolah tidak diberikan perhatian serius. Kebanyakan ahli masyarakat masih berani keluar dari rumah walaupun telah dilarang berbuat demikian.

Susulan penyebaran meluas wabak Covid-19, terdapat keperluan untuk mengawal penyebaran pantas wabak yang sedang melanda di seluruh komuniti ini. Para petugas kesihatan telah berusaha untuk mempercepatkan pembangunan dalam penyelidikan yang dikenalpasti dapat membantu meminimumkan penyebaran wabak penyakit merbahaya tersebut. Ini juga telah membantu kerajaan untuk mengembangkan langkah-langkah untuk mencegah penyebaran wabak di seluruh negara. Kerajaan telah mengambil langkah bijak dengan melancarkan Kempen Stay-at-Home walaupun sambutan yang diberikan oleh masyarakat kurang memuaskan. Kajian tertumpu kepada kesedaran masyarakat Malaysia terhadap Kempen Stay-at-Home.

Matlamat utama kempen kesihatan awam adalah untuk mengubah sikap dan tingkahlaku manusia agar sedar dan berkelakuan seperti yang dianjurkan dalam kempen berkenaan. Pihak berkuasa kesihatan mempunyai kuasa penuh dalam merangka seterusnya melaksanakan pelan bertindak khusus bagi merealisasikan kempen kesihatan awam yang cekap dan berkesan. Keupayaan pihak berkuasa kesihatan untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab bergantung kepada maklum balas daripada masyarakat. Ahli-ahli masyarakat diyakini berfungsi sebagai sebahagian daripada kempen kesihatan awam yang diharapkan memberikan tindak balas yang bersesuaian dengan objektif kempen kesihatan awam itu sendiri. Terdapat kemungkinan wujud keperluan untuk mendidik dan mengasuh minda ahli masyarakat agar memahami tujuan kempen duduk di rumah sepanjang tempoh PKP dilaksanakan.

KEMPEN KESIHATAN DAN MODEL KAP

Model KAP (*Knowledge-Attitude-Practise/Behavior*) merujuk kepada pengetahuan, sikap, amalan dan tingkahlaku (Mahmud & Siarap, 2013; Nor Kalsum, 2016). Model KAP digunakan dalam penyelidikan ini adalah bertujuan untuk menganalisis tahap kesedaran masyarakat Malaysia terhadap kepentingan PKP menerusi Kempen Stay-at-Home. Nor Kalsum (2016) menyatakan bahawa berdasarkan model KAP, pertambahan pengetahuan pada seseorang akan mendorong kepada perubahan sikap. Ujar beliau lagi, perubahan terhadap sikap pula akan menyebabkan berlakunya perubahan pada amalan atau tingkahlaku seseorang. Berdasarkan model ini, pengetahuan merupakan asas kepada penentuan sikap, niat dan tingkahlaku. Pengetahuan dapat ditingkatkan melalui pendedahan terhadap maklumat baharu melalui ceramah, kelas, media, syarahan dan lain-lain aktiviti yang bersikap ilmiah. Dalam konteks kajian ini adalah kempen. Dari aspek sikap pula, seseorang selalunya bertindak berdasarkan sikap yang terbina daripada pengetahuan. Oleh itu, perubahan pada sikap membawa kepada perubahan terhadap tingkahlaku. Amalan atau tingkahlaku seseorang adalah berdasarkan pengetahuan yang diperolehi. Beberapa kajian lepas menggunakan analisis pengetahuan, sikap dan amalan (KAP) telah dijalankan di Malaysia untuk mencapai tahap pengetahuan, sikap dan amalan masyarakat. Justeru, penyelidikan ini membincangkan secara ringkas mengenai penemuan kajian berdasarkan pengetahuan, analisis sikap dan amalan yang digunakan untuk menilai tahap kesedaran di antara pelbagai masyarakat di Malaysia.

Dalam kajian lepas, model KAP digunakan untuk menyiasat langkah pencegahan Covid-19 dalam kalangan pekerja kesihatan. Model ini digunakan untuk mengkaji tahap kepatuhan terhadap langkah pencegahan penyakit. Pengetahuan yang baik dan sikap positif dikenali apabila ia melibatkan risiko peribadi dan ahli keluarga untuk dijangkiti penyakit ini. Ini menunjukkan tahap proaktif pekerja kesihatan terhadap virus tersebut. Walau bagaimanapun, tahap pengetahuan dan sikap yang diperhatikan lebih rendah daripada yang diharapkan berdasarkan tahap kedudukan pekerja kesihatan. Model ini dikenali memberi nilai tambah terhadap pendidikan dan kempen untuk pekerja kesihatan. Justeru, untuk mengkaji kepatuhan terhadap langkah pencegahan penyakit dengan menggunakan model pengetahuan, sikap dan amalan (KAP) adalah penting. Model ini digunakan untuk menyiasat niat seseorang kepada tingkah laku atau sikap tertentu terhadap tingkah laku tertentu. Model KAP telah menyumbang kepada pengetahuan perubatan baharu dan digunakan untuk merangka amalan terbaik klinikal (Obiageli, Osuolale, Owolewa, & Peterside, 2021).

Sekumpulan penyelidik dari Unit Kesihatan Awam, Universiti Sains Islam Malaysia telah melaksanakan satu kajian mengenai Covid-19. Hasil yang diperolehi daripada dapatan kajian menunjukkan skor pengetahuan, sikap dan amalan Covid-19 mencerminkan tahap pemahaman dan kesediaan pelajar terhadap wabak tersebut. Kajian mereka ini mencerminkan usaha yang dilakukan oleh pihak berkuasa kesihatan tempatan dalam memberikan maklumat kesihatan mengenai Covid-19 kepada penduduk. Penemuan dari kajian tersebut dapat digunakan untuk merancang kempen kesihatan awam bagi mengurangkan penularan dan penyebaran Covid-19 di kalangan masyarakat (Amirah Azzeri et al., 2021)

Dalam satu kajian yang serupa, Shi et al., (2020) telah menggunakan model KAP untuk mengkaji mengenai kakitangan perubatan di sebuah hospital psikiatri mengenai pengetahuan mereka mengenai Covid-19. Kajian tersebut telah digunakan untuk meramal kesediaan kakitangan perubatan untuk merawat pesakit yang dijangkiti virus Covid-19. Menerusi kajian ini, dikenali bahawa perhatian lebih harus diberikan kepada pengetahuan dan sikap kakitangan yang dianggap sebagai pekerja penting (*essential workers*). Hujah ini disokong oleh Azlan et al., (2020) di mana menerusi kajian mereka, didapati bahawa pengetahuan, sikap, dan amalan orang terhadap penyakit Covid-19 memainkan peranan penting dalam menentukan kesediaan rakyat Malaysia untuk menerima tindakan perubahan tingkah laku dari pihak berkuasa kesihatan.

Untuk mengatasi penyebaran penyakit, para penyelidik bersetuju bahawa apa pun langkah dan prosedur operasi standard yang perlu dilaksanakan, keberkesanan langkah-langkah tersebut adalah sangat bergantung kepada pengetahuan, sikap dan amalan (KAP) individu di kawasan terlibat. Justeru, menerusi hasil kajian ini diharap dapat membantu memperdalamkan lagi hasil dapatan yang diperolehi dari kajian-kajian lepas serta dapat mengatasi kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam kajian lepas.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian diperolehi berdasarkan tiga (3) soalan penting yang dikemukakan menerusi perbincangan kumpulan fokus yang telah dijalankan. Soalan-soalan tersebut diberi tumpuan berbanding dengan soalan-soalan yang lain kerana penyelidik merasakan soalan-soalan tersebut lebih relevan dengan konteks kempen yang ingin dikaji iaitu mengenai kejelasan tujuan kempen diadakan, keberkesanan dan implikasinya terhadap masyarakat. Didapati terdapat beberapa perspektif menarik yang dapat dirumuskan menerusi kaedah perbincangan kumpulan fokus yang telah dijalankan.

Tujuan Kempen Stay-at-Home Tidak Jelas

Kajian ini mendapati bahawa masyarakat menerima mesej yang disampaikan oleh kerajaan, tetapi tahap pemahaman masyarakat adalah berbeza-beza berdasarkan tafsiran individu tersebut.

"For me, kalau ikutkan saya punya perspektif... Saya rasa kerajaan ni dia nak create satu ideology di mana "we cannot beat Covid-19 as for now. So, what we can do is, we have to live with the pandemic". Tapi untuk kerajaan mengutarakan kempen "Ok jom hidup dengan pandemic Covid-19..." Tak boleh. Because people akan panik, betul tak? But dengan menggunakan cara ini, dia orang seeding. So, this is the government seeding the people of Malaysia to try and live with the pandemic... aaa... ini apa yang saya nampak.",

(Informan Wanita 2, 32 tahun, Berkahwin, Kuala Lumpur)

"I think during the first phase kita berjaya but the second phase, it's been effecting for everyone sebab kita... kita tak kerja kan kita rasa macam tertekan duduk di rumah... you know... When people say less is more, so lebih terlalu banyak masa dengan keluarga pun macam stressing juga... I can agree, dulu berjaya now tak berjaya sebab people nak kena keluar..."

(Informan Wanita 7, 24 tahun, Bujang, Selangor)

"Ok saya nak tambah sedikit... saya perlu highlight kat sini because not just because our mental health whatsoever... People need to go out and work... Need to go out search for income. Kalau tak ada then... That's why sebelum ini banyak cases yang depress lah, bunuh diri because they don't have sources income... So, they need of going out not just because of mental health, not just because stress duduk kat rumah but it is because they need of getting money sebab zaman sekarang takde duit, we can't do anything... So, the urge for going out is not because of mental health, is not because of leak of stress out... (It is) the need of getting sources of income."

(Informan Wanita 2, 32 tahun, Berkahwin, Kuala Lumpur)

Keberkesanan penyaluran mesej kepada khalayak sasaran sering dipersoalkan di mana terdapat publik yang masih belum mengubah sikap walaupun usaha penyebaran maklumat telah banyak dilakukan (Rosli, 2016). Berdasarkan kepada pusingan difusi pembujukan dalam menerapkan perubahan tingkah laku, maklum balas publik yang disasarkan terutama dalam konteks perubahan tingkah laku adalah bergantung kepada fasa kesedaran, minat, penilaian, percubaan, penerimaan dan pengukuhan (Rogers, 1983). Pusingan difusi tersebut menunjukkan bahawa strategi kempen berkesan bukan hanya bergantung kepada sebanyak mana maklumat disebarkan, malah turut bergantung kepada pemilihan medium kempen dan sejauh mana medium tersebut sesuai dengan kehendak dan keperluan khalayak (Maizatul Haizan et al., 2019). Justeru sasaran mesej haruslah ditetapkan supaya fokus dapat diberikan kepada khalayak sasaran untuk tujuan keberkesanan kempen.

Keberkesanan Kempen Stay-at-Home

Keberkesanan kempen berkurang secara berkadar dengan masa. Semakin lama kempen dijalankan, semakin kurang keberkesanannya. Ini didorong oleh beberapa faktor seperti,

pembukaan beberapa sektor dan masyarakat semakin memahami situasi pandemik serta kurangnya penguatkuasaan yang ketat oleh pihak kerajaan.

"Sebenarnya Kempen Stay-at-Home ni yang masa mula-mula dulu berjaya lah, sebabnya semua orang takut, benda tu (Covid-19) benda baru jadi... Kerajaan pulak bila dia buat lockdown tu memang betul-betul buat. So, kebanyakan orang memang dia Stay-at-Home. Memang dia buat betul-betul nak putus rantai (Covid-19) tu... ",

(Informan Lelaki 1, 42 tahun, Berkahwin, Kelantan)

"Dalam usaha kerajaan untuk memutuskan rantai Covid-19 ni... aaa... dia come out dengan Kempen Stay-at-Home, dia ada come out dengan Kempen Jaga SOP dan sebagainya. Kempen Stay-at-Home ni tidak berapa sesuai untuk memutuskan rantai compared to Kempen Jaga SOP. Maksudnya jaga ... jaga SOP ini, kita still boleh keluar tapi kita jaga jarak... kita kena pakai mask, jangan salam dan sebagainya. Maknanya... aaa... dengan mewartakan kepada masyarakat untuk Stay-at-Home ni tidak begitu berkesan untuk putus rantai compared to other campaign.",

(Informan Wanita 11, 42 tahun, Berkahwin, Sabah)

"Kalau dia (kerajaan) buat lockdown kita stop dulu macam dulu... tak (boleh) keluar... Apa yang saya cakap sekarang ni benda ni Stay-at-Home ni berkesan kalau dari segi... aaa... orang atasan (kerajaan) buat benda yang sama. Dia (kerajaan) kena betul-betul tegaslah. So, benda tu nak kena alert bukan di pihak bawahan tapi yang atasan yang memainkan peranan dulu. Itulah saya punya pendapatlah dari segi benda ni.",

(Informan Lelaki 1, 42 tahun, Berkahwin, Kelantan)

"Kempen Stay-at-Home ni dia tidak synchronize dengan penguatkuasaan... aaa... You minta orang Stay-at-Home tapi at the same time you buka sector... aaa... perkilangan, sekolah, macam macam... aaa... Boleh pergi bersukanlah... Lepas tu kedai gunting rambut dibenarkan... Maknanya... aaa... dia sebenarnya tak ngam. Maksudnya you nak putus rantai tapi sebenarnya you create satu benda yang bertambah tambah pulak lagi jangkitan kan...",

(Informan Wanita 11, 42 tahun, Berkahwin, Sabah)

"Kempen tu macam kempen je tapi macam keberkesanan memang itu dah takde sebab saya rasa satu je, apa... penguatkuasaan. Saya rasa kalau dia orang (kerajaan) kuatkuasa saya rasa... aaa... kempen ni orang akan rasa takut tau... tapi disebabkan takde penguatkuasaan saya rasa macam buat apa nak duduk rumah dan polis tak marah, so keluar je lah. Saya rasa memang sekarang inilah memang kempen bukan takde, (tapi) kurang (berkesan).

(Informan Wanita 8, 51 tahun, Berkahwin, Perak)

Keberkesanan sesebuah kempen bergantung kepada mesej yang mencapai khalayak sasaran. Menurut Mohd Yusof (2002), sesebuah mesej perlu dipastikan sampai kepada sasaran, diterima dan disimpan oleh sasaran. Setiap mesej yang ingin disampaikan menerusi kempen perlu dirangka dengan sewajarnya agar kandungan mesej tersebut berkesan mencapai khalayak sasaran. Oleh yang demikian, kerajaan perlu mengambil langkah yang sewajarnya agar mesej

secara bersasaran dapat dilaksanakan dengan berkesan. Penyelidikan perlu dilaksanakan sebelum sesebuah kempen itu dihasilkan kerana ia merupakan satu elemen penting yang bertujuan untuk memastikan kempen yang berkesan dapat dicapai. Penggunaan saluran media dan komunikasi yang sesuai dilihat dapat membantu meningkatkan kesedaran masyarakat khususnya dalam usaha mengurangkan masalah kesihatan awam (Mohamad Hafifi et al., 2017).

Implikasi Kempen Stay-at-Home kepada Masyarakat

Tahap implikasi keterlibatan informan dengan kempen Stay-at-Home anjuran kerajaan dilihat dari segi pemikiran, perasaan dan tingkah laku. Dalam erti kata yang lain, sejauh manakah kempen Stay-at-Home ini benar-benar memberi impak kepada informan seperti mana yang diharapkan sehingga mereka dapat memberikan pelbagai reaksi terhadap pelaksanaan kempen tersebut. Menerusi Perbincangan Kumpulan Fokus, didapati majoriti informan menyatakan Kempen Stay-at-Home tidak relevan dengan situasi semasa masyarakat di Malaysia. Pelbagai alasan diberikan untuk menyokong hujah mereka.

"Buat masa sekarang ni, kalau diikutkan... (Kempen) Stay-at-Home ni, memang dah tak berkesanlah... Memang dah tak relevan lagi lah sebab dia... aaa...kebanyakan orang pun dah vaksin dah dua dos... aaa... jadi... aaa... dia dah tak perlulah nak Stay-at-Home... Dia dah boleh pergi mana-mana... So, bermakna (Kempen) Stay-at-Home ni memang dah tak relevan dah... Tak perlu dah nak buat lagi... Yang perlu... akan buat nanti... aaa... ialah... (Kempen) kena (jaga) SOP... Yang paling penting tu lah... aaa... Jaga jarak... Pakai mask... aaa... Pakai shield... aaa... tu je.",

(Informan Lelaki 1, 42 tahun, Berkahwin, Kelantan)

"(Kempen) Stay-at-Home... aaa... Pada masa sekarang, saya rasa dia... aaa... Kurang relevan sudah sebab... Kita kan sudah ada vaksinasi dan keperluan orang ramai keluar berkerja...",

(Informan Lelaki 6, 24 tahun, Bujang, Sabah)

"Mentaliti orang... Sesetengah orang, "kau orang buat kempen, kau bagi kami ganjaran baru kami mau ikut. Kalau kau tak bagi, kami tidak akan ikut." "Saya punya jiran, saya tidak tahulah dia kurang kemampuan ke apa ke... bila saya cakap "Stay-at-Home", dia cakap "Saya mau duduk di rumah kalau dia (kerajaan) bagi saya makanan. Apa guna dia orang jadi Menteri kalau dia orang tak bagi saya makanan." Sebab tu saya cakap kempen berganjaran. Kebanyakannya orang minta ganjaran daripada kempen tersebut.",

(Informan Wanita 5, 24 tahun, Bujang, Sabah)

"Mentalitilah... Cara orang berfikir sebab sebenarnya (Kempen) Stay-at-Home ni bukan selama-lamanya... Dia (kempen) dalam certain certain time je. Contohnya, kalau kita buat total lockdown sebulan sahaja... tolonglah duduk dekat rumah sebulan je sampai rantai ni boleh diputuskan lepas tu kita jalani kehidupan yang normal balik kan... Bukan kita suruh duduk di rumah selama-lamanya. Orang salah faham kot dengan kempen tu... aaa...",

(Informan Wanita 11, 42 tahun, Berkahwin, Sabah)

"Saya rasa Kempen Stay-at-Home ni tidak relevan untuk waktu sekarang, saya rasa kempen menjaga SOP itu... is better... Lebih mudah untuk execute in national level... dan saya rasa ayat "untuk memutuskan rantai covid" tu juga dah tak relevan juga... Mungkin kita boleh guna ayat yang lain macam "mengurangkan risiko jangkitan Covid 19" aaa... Itu lagi better dan lebih orang faham dan lebih mudah untuk orang ikut... So, saya rasa penggunaan bahasa dan juga the way how they stretch out the campaign...kena improvise.
(Informan Wanita 2, 32 tahun, Berkahwin, Kuala Lumpur)

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa menerusi kempen kesihatan awam (Stay-at-Home) yang dianjurkan, masyarakat memahami mesej yang disampaikan oleh pemerintah. Namun masyarakat kurang menyokong usaha yang dilakukan untuk memutuskan rantai virus Covid-19 disebabkan oleh pelbagai faktor seperti tekanan (*stress*), keperluan keluar bekerja, tiada ganjaran, kurang penguatkuasaan dan sebagainya. Menerusi kajian ini juga, didapati bahawa Kempen Stay-at-Home kurang berjaya menerapkan kesedaran terhadap pematuhan untuk masyarakat kekal berada di rumah bagi mengurangkan pergerakan agar virus Covid-19 tidak terus merebak kepada orang ramai. Ini dapat dilihat menerusi jumlah masyarakat yang melanggar arahan PKP yang dilaksanakan oleh kerajaan. Masyarakat masih ingkar dengan arahan kerajaan untuk kekal duduk di rumah dengan memberi pelbagai alasan untuk keluar rumah. Misi kerajaan adalah untuk menjaga dan melindungi masyarakat daripada dijangkiti virus yang merbahaya ini. Namun begitu, kerjasama daripada masyarakat dari segi pematuhan arahan dari kerajaan adalah amat diperlukan dalam memastikan rantai virus Covid-19 ini dapat diputuskan dan dihapuskan dengan menyeluruh. Kedegilan masyarakat boleh menjejaskan usaha kerajaan dalam mengawal penularan penyakit berjangkit ini. Justeru, menerusi kajian ini boleh dikatakan bahawa Kempen Stay-at-Home kurang berkesan dalam mengekang penularan virus Covid-19.

Berpandukan model KAP yang digunakan serta hasil daripada maklum balas perbincangan kumpulan fokus yang dilaksanakan, tahap pendedahan dan pengetahuan tentang kempen Stay-at-Home dalam kalangan masyarakat Malaysia adalah ditahap sederhana. Kempen kesihatan awam terhadap virus Covid-19 secara positif mempengaruhi sikap informan terhadap pencegahan dan kawalan penyakit ini. Terdapat hubungan signifikan yang positif antara tahap pendedahan kepada kempen media Covid-19 dan tahap pengetahuan penyakit ini dalam kalangan masyarakat. Kempen bukan sahaja bertujuan untuk menyebarkan maklumat, tetapi juga menggunakan teori tingkah laku dan pemujukan serta pengulangan untuk menasaskan pengubahsuaian dalam sikap terhadap kesihatan. Setiap kempen harus diikuti dengan penilaian keberkesanannya. Namun begitu, Kempen Stay-at-Home yang bertujuan untuk menyedarkan orang ramai tentang virus Covid-19 telah dinilai kurang berkesan disebabkan oleh beberapa faktor. Justeru, terdapat keperluan untuk menggunakan lebih banyak strategi dalam pelaksanaan kempen untuk meningkatkan penyampaian mesej kesihatan ini dengan lebih berkesan.

Pengkaji merujuk kepada sorotan literatur sebagai landasan untuk menyelidik mengukuhkan data dan menjelaskan pendirian penyelidik dalam merumuskan hasil kajian. Justeru, menerusi hasil kajian yang dipaparkan diharap dapat menjadi panduan kepada sebuah penyelidikan yang lebih mendalam terhadap keberkesanan kempen pencegahan penularan penyakit berjangkit di negara ini. Ini sejajar dengan agenda utama kerajaan iaitu sebuah kempen kesihatan awam (Stay-at-Home) dilaksanakan adalah untuk mendorong kepada pengurangan kebolehjangkitan dan penularan virus Covid-19. Oleh kerana Covid-19 merupakan virus yang merebak dengan pantas dan mempunyai kesan buruk dalam masa yang

singkat maka adalah penting bagi kerajaan terutamanya pihak berkuasa kesihatan merancang strategi yang sesuai untuk mengawal penularan penyakit berjangkit ini. Seharusnya, penghasilan kempen yang betul, mampu membangkitkan kesedaran dalam diri masyarakat terhadap kesihatan dan keselamatan sejagat. Penyelidikan lanjut untuk menyiasat pengetahuan, sikap dan amalan terhadap kempen Stay-at-Home akan membantu dalam penerimaan dan pelaksanaan dasar masa depan yang berjaya untuk mempromosikan kempen kesihatan di Malaysia.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini tidak mungkin dapat dilakukan tanpa sokongan daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi Skim Dana Khas (SDK) dengan kod SDK0217-2020. Pengarang mengucapkan terima kasih kepada UMS untuk pembiayaan projek penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Amirah Azzeri, et al. (2021). Determining Factors Associated with the Knowledge, Attitude and Practice of Covid19 Pandemic Among Medical Students in Malaysia. *Malaysian Journal of Public Health Medicine* 2021. Vol 21(2): 321-328
- Azlan, A.A., Hamzah, M.R., Sern, T.J., Ayub, S.H. and Mohamad, E. (2020) Public Knowledge, Attitude and Practices towards Covid-19: A Cross-Sectional Study in Malaysia. *PloS ONE*, 15, e0233668. <http://doi.org/10.1371/journal.pone.0233668>
- Farrelly M.C., Nonnemaker J., Davis K.C., Hussin A. (2009). The influence of the national truth campaign on smoking initiation. *Am J Prev Med* ; 36: 379–84.
- Maizatul Haizan Mahbob, Nik Anis Syakira Megat Ali, Wan Idros Wan Sulaiman & Wan Amizah Wan Mahmud. (2019). Komunikasi strategik dan peranannya untuk mewujudkan komunikasi berkesan dalam organisasi. *Jurnal Komunikasi*. 35(2), 49-67.
- Mohamad Zahir Zainudin, Roziah Omar, Mohd Fauzi Kamarudin (2016). Kaedah Gabungan (Mixed Method) dalam Kajian Pembasmian Kemiskinan di Malaysia dan Indonesia: Pengalaman Penyelidikan. *Journal of Human Capital Development*. Vol 9: 47-58
- Nur Ain Alifuddin & Dzurizah Ibrahim. (2021). Studies on the Impact of Work from Home during Covid-19 Pandemic: A Systematic Literature Review. *Jurnal Komunikasi Borneo* 2021. Vol 9
- Obiageli, U. N., Osuolale, K. A., Owolewa. R. O., Peterside. D. (2021). Knowledge, Attitude, and Perception of COVID-19 among Maritime Workers in the United Kingdom and Nigeria during the First Wave of the Pandemic. *Journal of Biosciences and Medicines*. Vol. 9 No. 6
- Shema Tariq & Woodman, J. (2013). Using mixed methods in health research. *Journal of the Royal Society and Medicine*, 4(6), diakses dari <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC3697857/>. Doi: 10.1177/2042533313479197.
- Shi, Y., Wang, J., Yang, Y., Wang, Z., Wang, G., Hashimoto, K., Liu, H., et al. (2020) Knowledge and Attitudes of Medical Staff in Chinese Psychiatric Hospitals Regarding COVID-19. *Brain, Behavior, & Immunity—Health*, 4, Article ID: 100064. <https://doi.org/10.1016/j.bbih.2020.100064>
- Siti Faidul Maisarah Abdullah. (2017). Faktor Audien Sasaran Sebagai Penghalang Keberkesanan Kempen Antimerokok. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Universiti Putra Malaysia.
- Wakefield, A.M., Loken, B., Hornik, C.R. (2010). Use of mass media campaigns to change health behaviour, *Lancet*; 376: 1261–71

- Wallack, L. & Dorfman L. (1996). Media advocacy: A strategy for advancing policy and promoting health. *Health Educ Q* ; 23: 293–317.
- Zhong, B.-L., Luo, W., Li, H.-M., Zhang, Q.-Q., Liu, X.-G., Li, W.-T. and Li, Y. (2020) Knowledge, Attitudes, and Practices towards COVID-19 among Chinese Residents during the Rapid Rise Period of the COVID-19 Outbreak: A Quick Online Cross-Sectional Survey. *International Journal of Biological Sciences*, 16, 1745. <https://doi.org/10.7150/ijbs.45221>

**IDENTITI MENERUSI MEDIA SOSIAL: KONSTRUKSI, KONTEKS DAN
HUBUNGANNYA DENGAN ASPEK PENGETAHUAN**
***IDENTITY THROUGH SOCIAL MEDIA: CONSTRUCTION, CONTEXT AND
RELATIONSHIP WITH KNOWLEDGE ASPECT***

¹Jamilah Maliki

²Normah Mustaffa

³Mohd Nor Shahizan Ali

⁴Mus Chairil Samani

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak
Pusat Kajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
34600 Bangi, Selangor

Felo Kanan Universitas Esa Unggul, Indonesia

¹mjamilah@unimas.my, ²normahm@ukm.edu.my, ³shahizan@ukm.edu.my, ⁴mus.chairil@esaunggul.ac.id

Tarikh dihantar: 30 Mei 2022 / Tarikh diterima: 29 Jun 2022

Abstrak Media sosial membolehkan individu mewujudkan identiti dalam talian yang memaparkan identiti pilihan mereka. Identiti dalam talian membenarkan individu berinteraksi dengan semua lapisan termasuk orang yang tidak dikenali. Kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa individu mengkonstruksi identiti dalam talian yang berbeza untuk memenuhi interaksi sosial yang berbeza. Kajian ini dijalankan untuk menyelidik hubungan antara keupayaan pengetahuan individu dengan konstruksi identiti dalam talian dalam kalangan pengguna media sosial. Facebook telah dipilih sebagai bahan kajian memandangkan ia mempunyai jumlah pengguna laman sosial terbesar dalam kalangan penuntut di institusi pengajian tinggi serta merupakan media sosial yang paling popular dalam kalangan golongan muda. Tinjauan telah dijalankan terhadap 391 responden yang merupakan pengguna aktif Facebook. Kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara peranan pengetahuan dengan konstruksi tiga jenis identiti dalam talian. Set pengetahuan yang berbeza digunakan oleh pengguna-pengguna Facebook untuk mengkonstruksi identiti dalam talian seperti identiti sebenar, identiti unggul dan identiti samaran. Justeru, kajian ini mengesahkan peranan pengetahuan dalam mempengaruhi konstruksi identiti dalam talian bagi ketiga-tiga identiti yang dikenal pasti.

Kata kunci: konstruksi identiti, identiti dalam talian, identiti sebenar, identiti samaran, identiti unggul.

Abstract Social media allow people to create an online identity that displays their own preferences. Online identity allows people to interact with all walks of people, including strangers in the cyberworld. Previous studies have shown that people construct different types of online identities to suit different social interactions with different people. This study investigates the relationship between an individual's cognitive ability and the construction of online identity among social media users. Facebook was chosen as the site for studying online identities as it has the largest number of users among students in higher institutions as well as its popularity among young people. A survey was carried out with 400 respondents who are active users of Facebook. The study found there is a significant relationship between cognitive roles in the construction of three different types of online identities. Different sets of cognitive abilities were used by Facebook's users to construct different types of online identities such as real identity, ideal identity, and fake identity. Thus, this study confirms that cognitive influences the types of online constructed identity.

Keywords: identity construction, online identity, real identity, fake identity, ideal identity

PENGENALAN

Perkembangan media sosial memberikan persekitaran baharu kepada masyarakat meneroka aspek komunikasi dan interaksi secara lebih luas dan terbuka. Ia telah berjaya menghapuskan batasan bukan sahaja melibatkan sempadan sesebuah negara tetapi turut berpotensi memadamkan garisan sempadan peribadi antara individu dalam masyarakat (Castell 2000). Malah, ia menyediakan persekitaran baharu kepada pengguna memperlihatkan potensi untuk menonjolkan dan mempersembah identiti di alam maya (Davis 2012). Dengan adanya jaringan media sosial ini, ia menyediakan ruang untuk individu memapar, memperkenalkan serta mengkonstruksi identiti bagi tatapan umum, dengan alasan tersendiri yang memungkinkan ruang peribadi mereka dikenali oleh umum dengan lebih rapat dan akrab.

Konsep identiti sebenarnya sukar ditafsirkan. Sesetengah sarjana menyamakan identiti dengan nama dan wajah. Dalam hal ini, Mendieta (2003) bersetuju bahawa wajah hanya sebahagian daripada elemen dalam konstruksi identiti. Nama sekadar kata yang menamakan seseorang individu. Wajah pula menimbulkan masalah sebagai identiti disebabkan kehadiran kembar seiras menyukarkan seseorang membezakan dua orang adik beradik kembar. Keadaan ini memerlukan definisi yang lebih khusus bagi memudahkan penyelidikan.

Identiti dalam bahasa Inggeris mahupun bahasa Melayu dikategorikan sebagai kata nama. Pengkategorian kelas kata "identiti" memerihalkan kajian awal terhadap fenomena sosial ini. Wetherell (2010), pengkaji awal berminat untuk mengetahui etimologi kata "identiti." Beliau menjelaskan bahawa kajian awal ini mencirikan "identiti" sebagai sesuatu yang aktif, dihasilkan sendiri, berpusat dengan ego, berkekalan dan mencerminkan seseorang individu. Dengan kata lain, identiti dalam kawalan individu itu sendiri. Identiti itu bersifat stabil dan tidak berubah. Interaksi dengan orang lain tidak mencetuskan perubahan dalam konstruksi sendiri. Identiti dalam peringkat awal kajian melihat identiti dalam alam nyata, dan bukannya identiti dalam talian.

Dalam penggunaan seharian, identiti merujuk suatu objek atau ciri-ciri tetap bersifat khusus yang dimiliki oleh seseorang, sesebuah tempat ataupun sesebuah kumpulan. Wetherell (2010) menjelaskan kajian-kajian tentang identiti telah memasuki korpus ilmu Barat bersama-sama dengan istilah seperti "kendiri," "individu," "ego," "karekter," "personaliti" dan "peranan." Namun begitu, penggunaan dan pengertian istilah-istilah ini dengan identiti yang saling bertindih menyukarkan perbincangan dan penyelidikan tentang fenomena sosial yang penting ini. Kata identiti mempunyai persamaan dalam bahasa Melayu iaitu "jatidiri."

Namun penggunaan ini mengekang takrifan identiti kepada seseorang individu. Perkara ini jauh berbeza daripada kajian sarjana komunikasi, khususnya komunikasi silang budaya yang melihat identiti dari sudut ciri-ciri persamaan seseorang individu dalam kumpulannya. Klyukanov (2005: 277) mentakrifkan identiti sebagai "keanggotaan dalam kumpulan yang terdiri daripada individu yang berkongsi makna simbolik yang sama". Definisi ini meletakkan seseorang individu dalam sesuatu kumpulan sehingga seseorang itu boleh dianggap sebahagian daripada kumpulan ataupun terkeluar daripada kumpulan kerana tidak memiliki perkongsian makna simbolik yang serupa.

Sarjana-sarjana mengkaji konstruksi identiti sebagai suatu proses sosial yang berterusan, (Mead 1934; Erikson 1968, Zhao et al. 2008). Penggunaan media sosial yang tinggi dikatakan memberi kesan kepada konstruksi identiti belia (Farquhar 2012; Pempek et al. 2009). Ini disebabkan pengguna media sosial melakukan pendedahan diri dengan menggunakan media sendiri (Pallis et al 2011; Siapera 2012). Pada laman Facebook misalnya, profil yang dipapar dianggap mampu menjadi identiti maya bagi setiap penggunanya (Boyd 2004; Boyd & Heer 2006). Malah imej yang dipamer di Facebook memaparkan identiti dan realiti sosial yang dikonstruksi oleh pemilik (Farquhar 2012).

Sungguhpun demikian, individu boleh mengkonstruk dan mengubah identiti bergantung kepada kumpulan mana ia berada dan boleh menjadi seseorang yang terlalu sempurna dan terbaik di alam maya dalam kalangan ahli yang ada walaupun keadaan realiti adalah sebaliknya dan ini mendorong ahli-ahli yang lain berusaha mengkonstruk identiti yang sama dengan apa yang dicipta (Zhao et al. 2008) sebagaimana yang dinyatakan oleh Geidner et al. (2007) bahawa individu menggunakan petanda identiti dan imej atau frasa yang selari dengan orientasi kelompok kumpulan persekitaran di mana ia berada. Dinamika identiti yang berorientasikan kelompok yang mempunyai minat, ciri dan kecenderungan yang sama ini mendorong individu menyesuaikan imej agar diri diterima oleh persekitaran (Geidner et al. 2007; De Ruyter & Conroy 2002).

Konstruksi identiti dimungkinkan kerana wujudnya komunikasi berasaskan komputer (Turkle 1995: 14). Turkle berhujah bahawa media sosial membolehkan individu mengkonstruk dan kemudian mengkonstruk semula identitinya. Malah identiti yang dibentuk dalam talian dipersembahkan dalam bentuk yang diubah suai secara berulang kali serta disesuaikan mengikut keadaan dan situasi (Zhao, Grasmuck & Martin 2008). Konstruksi identiti sering kali dilihat sebagai bersifat peribadi yang dimulakan oleh pemiliknya. Namun, konstruksi ini turut dipengaruhi hasil interaksi dengan individu lain dalam alam siber yang menjadi "kawan". Kawan di sini mungkin sahaja kawan lama dalam alam nyata ataupun kawan baharu yang dikenali dalam alam siber (Smith 1998).

Perubahan konstruksi identiti seperti yang dimaksudkan menuntut individu menggunakan media secara literasi. Hal ini demikian kerana penggunaan media sosial bukan sahaja melibatkan amalan literasi berasaskan pengetahuan memahami dengan mengguna, bahkan melibatkan kemahiran membina dan berkongsi mesej komunikasi dalam bentuk integrasi teks, foto, animasi, audio dan visual (Davis 2012). Integrasi konstruksi dan perkongsian makna yang dicipta melalui foto, animasi, audio dan visual ini seterusnya memberi peluang kepada individu sebagai pengguna media sosial untuk membina identiti dan menjalankan pelbagai tindakan sosial melalui amalan-amalan literasi yang mereka ada (Davis, 2012).

Kajian ini memberikan tumpuan kepada penggunaan Facebook oleh pemilik dalam mengkonstruk identiti sendiri mereka. Kajian ini meneliti hubungan pengetahuan dengan tiga bentuk identiti hasil daripada paparan sendiri oleh individu semasa interaksi di Facebook. Identiti yang akan dikaji ialah identiti sebenar, identiti samaran dan identiti unggul. Identiti sebenar merupakan pemaparan identiti berdasarkan keadaan sebenar, tanpa sebarang suntingan, tokoh tambah, atau mana-mana tindakan mengubah keadaan asli individu itu di luar talian. Identiti samaran merujuk kepada paparan identiti yang berlainan dengan identiti di luar talian, dengan tujuan untuk menyembunyikan identiti sebenar. Identiti unggul pula merupakan identiti idaman yang ingin dicapai oleh individu (De Ruyter & Conroy, 2002). Dalam konteks media sosial, identiti unggul diketengahkan melalui pemaparan sosok terbaik kepada khalayak sasaran atau rakan maya.

Berdasarkan kajian masa lalu, hipotesis dibina untuk melihat hubungan antara pemboleh ubah pengetahuan dengan konstruksi identiti dalam laman sosial, Facebook. Facebook dipilih sebagai bahan utama kajian memandangkan populasi terbesar pengguna laman sosial ini terdiri dalam kalangan penuntut di institusi pengajian tinggi (Christy et al. 2011; Ellison et al. 2007) serta merupakan media sosial yang paling popular dalam kalangan belia (Duggan & Brenner 2013; Ellison et al. 2007, Noumeur & Syed Arabi 2019). Dalam kajian ini, media sosial didefinisikan sebagai laman sesawang ataupun aplikasi yang direka bentuk untuk memudahkan individu berkongsi maklumat dengan cepat, berkesan dan pada masa sebenar. Mereka bertindak sebagai pemaju kandungan. Ini berbeza daripada media tradisional yang biasanya berupa kejadian yang telah dirakamkan sebelum disiarkan atau

diterbitkan. Kelebihan ini memudahkan pengguna media sosial berinteraksi dengan para pengguna lain.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat banyak pendekatan yang digunakan dalam menyelidik identiti. Sesetengah penyelidik mengkaji fenomena identiti ini dari sudut pendedahan sendiri (*self*), kumpulan ataupun masyarakat. Pendedahan sendiri sering dikaitkan dengan persembahan sendiri dan pengetahuan individu. Kajian oleh Berzonsky (2008) misalnya meneliti hubungan informasi yang dipaparkan dalam laman peribadi dalam talian dengan persembahan sendiri individu. Kajian ini meneliti bagaimana individu memilih informasi yang dipaparkan dalam laman peribadi yang bertindak sebagai perwakilan kepada diri individu berkenaan dalam talian. Apabila individu membuat pilihan, mereka menggunakan proses pengetahuan untuk mengkonstruksi identiti mereka semasa membuat pilihan berkaitan informasi atau perwakilan yang digunakan untuk memaparkan diri dalam laman peribadi masing-masing. Identiti seseorang individu dapat dilihat berkongsi dengan orang lain dalam kumpulannya apabila dia bergabung atau dikelompokkan dalam sesuatu kumpulan.

Identiti yang dipersembahkan di laman Facebook merupakan pemaparan personaliti pemiliknya. Gosling et al. (2007) menjelaskan tanggapan personaliti berdasarkan profil dengan melakukan pemerhatian turut serta terhadap 165 pengguna dan analisis 133 profil pengguna Facebook yang diukur dengan dimensi personaliti. Berdasarkan hasil kajian, Gosling et al. (2007) menjelaskan bahawa personaliti dalam Facebook yang dinilai menunjukkan persetujuan dengan dimensi personaliti luar talian. Selain itu, laman jaringan sosial merupakan sumber yang relevan dan sah untuk membincangkan personaliti selain mengembangkan keperluan sosial.


Individu bertindak mengkonstruksi identiti dalam talian dengan membuat pemantauan secara selektif terhadap gambar profil yang dipaparkan dalam akaun Facebook masing-masing mengikut gambaran yang ingin dipaparkan mereka kepada khalayak (Pempek et al. 2009). Leonardi (2010) yang mengkaji bentuk persembahan diri dalam laman Facebook dengan menghujah agar menambah (mengembangkan) unsur retorik dan naratif ke dalam perspektif interaksi simbolik), Kajian Denninger (2010) yang meneroka interpretasi terhadap pembentukan identiti dalam laman Facebook, kajian oleh Davis (2011) yang menjelaskan bahawa identiti sendiri merupakan hasil daripada interaksi sosial serta kajian oleh Bullingham & Vasconcelos (2013) yang juga meneliti persembahan sendiri dalam talian.

Pemilik akaun berupaya menginterpretasi identiti berdasarkan paparan imej dalam laman Facebook (Farquhar, 2012). Gambar profil didapati mempunyai ikatan dengan tanggapan pertama terhadap individu. Namun terdapat gambar yang berunsur negatif yang dimuat naik oleh pengguna tanpa memikirkan respon negatif; dengan alasan untuk diterima oleh kumpulan sasaran. Secara ringkasnya, pengguna Facebook sedar tentang peranan gambar dalam memaparkan identiti mereka. Kesedaran secara pengetahuan ini membolehkan individu menginterpretasi dan membuat keputusan tentang paparan identiti yang dikonstruksi dalam Facebook.

Nourmeur & Syed Arabi (2019) pula meneliti pemaparan diri menerusi laman Facebook dalam kalangan belia wanita. Dengan menjalankan tinjauan terhadap 133 responden di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, kajian ini meneliti bagaimana individu mengurus dan mengkonstruksi identiti maya mereka. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara identiti luar dengan identiti dalam talian. Dengan kata lain, kajian ini menjelaskan kesukaran pemisahan antara identiti nyata dengan identiti maya.

Pembentukan identiti digital turut diteliti daripada sudut literasi. Rodriguez (2018) menjalankan kajian kes untuk meneroka amalan literasi dan konstruksi identiti digital dalam kalangan remaja di Eropah. Dengan melibatkan kajian etnografi terhadap dua remaja yang terlibat secara aktif terhadap menggunakan media dalam talian. Kajian ini mendapati bahawa konstruksi identiti dalam talian adalah sama penting dengan identiti di luar talian bagi remaja terbabit. Kajian juga mendapati bahawa literasi diamalkan untuk mengkonstruksi identiti sungguhpun identiti yang dipaparkan merupakan identiti samaran. Dengan kata lain, remaja mengamalkan literasi semasa mengkonstruksi identiti digital mereka.

Berpegang kepada tujuan utama kajian yang meneroka dinamika faktor pengetahuan dalam mempengaruhi konstruksi identiti dalam talian, teori identiti yang diinspirasi daripada Burke & Stets (2009) menjelaskan identiti sendiri tidak terbentuk sejak lahir. Kebolehan individu secara pengetahuan menjadi faktor yang mempengaruhi pembentukan (sepanjang hayat). Lakaran berikut menjelaskan peranan faktor pengetahuan iaitu, pengetahuan am, pengalaman, penapisan bahasa dalam status, kebolehan berfikir serta penapisan komen terhadap konstruksi identiti dalam talian yang digunakan dalam kajian ini.



Rajah 1: Model Faktor Pengetahuan dan konstruksi identiti dalam talian

KAEDAH KAJIAN

Populasi kajian adalah terdiri daripada pelajar yang sedang menuntut di empat buah universiti di Malaysia iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Pemilihan terhadap empat buah universiti iaitu UM, USM, UKM dan UPM dijadikan sebagai populasi kajian adalah berdasarkan prestij universiti berkenaan sebagai universiti penyelidikan. Penuntut jurusan komunikasi dipilih sebagai sampel kajian pula adalah sesuai dengan sifat penuntut yang terdedah dengan literasi media hasil pendedahan terhadap media sosial melalui kursus media dan komunikasi sepanjang pengajian mereka mahupun secara tidak formal dengan pengetahuan asas sebagai penuntut pengajian media (Mohd. Nor Shahizan 2012). Berdasarkan kepada populasi di empat buah universiti berkenaan, pengkaji memutuskan untuk menggunakan kaedah persampelan bertujuan bagi pemilihan sampel kajian. Sampel bertujuan digunakan dengan memilih pengguna Facebook yang terdiri dalam kalangan pelajar di UM, USM, UKM dan UPM. Ciri-ciri pemilihan responden adalah seperti berikut iaitu: terdiri dalam kalangan pelajar yang mengambil jurusan komunikasi, telah berdaftar dan memiliki akaun

Facebook sekurang-kurangnya sejak tiga tahun dan ke atas; serta merupakan pengguna Facebook yang aktif.

Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen utama dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumat berkaitan sumbangan pengetahuan dalam konstruksi identiti sendiri dalam talian. Skala Likert 5-mata iaitu (5) sangat setuju hingga (1) sangat tidak setuju digunakan bagi mengukur pemboleh-pemboleh ubah dalam kajian ini. Sebelum kajian sebenar dijalankan, pengkaji telah menjalankan kajian rintis terhadap 60 orang responden untuk menguji reliabiliti instrumen soal selidik. Berdasarkan lima item, nilai Alpha Cronbach yang dikira ialah 0.854-0.965 seperti jadual 1 berikut:

Jadual 1: Alpha Cronbach Pengetahuan

Konstruk Pengetahuan	Nilai Alpha Cronbach
Pengetahuan am	0.854
Pengalaman	0.854
Menapis bahasa dalam status	0.930
Berfikir	0.931
Menapis komen	0.965

N=60

Konstruk pengetahuan diukur berdasarkan pemboleh ubah pengetahuan am, pengalaman, menapis bahasa dalam status, berfikir dan menapis komen.. Berdasarkan ujian reliabiliti bagi lima item pemboleh ubah, nilai Alpha Cronbach yang dikira bagi lima item ialah 0.854 bagi item pengetahuan am dan pengalaman. Bagi item menapis bahasa dalam status pula, nilai Alpha Cronbach ialah 0.930 bagi item menapis bahasa dalam status. Sementara bagi item berfikir dan menapis komen, nilai Alpha Cronbach masing-masing ialah 0.931 dan 0.965.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 2 meringkaskan taburan demografi responden yang merangkumi maklumat mengenai jantina, umur, kaum, dan negeri responden. Kebanyakan responden terdiri daripada perempuan. Seperti yang dinyatakan dalam bahagian sebelum ini, sebanyak sembilan soal selidik telah ditolak semasa saringan dan dikeluarkan daripada analisis. Daripada 391 orang responden, terdapat seramai 283 orang perempuan (72.4 peratus) berbanding dengan 108 orang lelaki (27.6 peratus). Taburan sebegini sememangnya dijangkakan kerana ramai daripada kalangan pelajar universiti terdiri daripada perempuan (Ahmad Kamil 2008).

Kebanyakan daripada responden dalam kajian ini terdiri daripada mereka yang berumur 20 tahun. Terdapat seramai 197 pelajar (50.4 peratus) pelajar berumur 20 tahun yang menjadi responden kajian. Kelompok kedua berumur 21 tahun iaitu seramai 80 pelajar (20.5 peratus). Ini diikuti oleh pelajar berumur 22 dan 19 tahun. Mereka ini terdiri daripada 44 pelajar (11.3 peratus) dan 42 pelajar (10.7 peratus). Responden berumur 23 pelajar berjumlah 15 pelajar (3.8 peratus), 25 tahun seramai 2 pelajar (0.5 peratus) dan 27 dan 29 tahun, masing-masing 1 pelajar (0.3 peratus).

Jadual 2: Taburan Responden mengikut ciri-ciri Demografi

Ciri-Ciri Demografi	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina		
Perempuan	283	72.4
Lelaki	108	27.6
Umur		
19	42	10.7
20	197	50.4
21	80	20.5
22	44	11.3
23	15	3.8
24	9	2.3
25	2	0.5
27	1	0.3
29	1	0.3

N = 391

Hubungan Pengetahuan dengan Konstruksi Identiti Dalam Talian

Untuk mengukur hubungan konstruk pengetahuan dengan tiga identiti berbeza, tiga hipotesis dibina seperti berikut: Untuk mengukur hubungan konstruk pengetahuan dengan tiga identiti berbeza, tiga hipotesis dibina seperti berikut:

- H1 - Terdapat hubungan antara pengetahuan dengan identiti unggul
- H2 - Terdapat hubungan antara pengetahuan dengan identiti sebenar
- H3 - Terdapat hubungan antara pengetahuan dengan identiti samaran

Hubungan pengetahuan dengan identiti unggul dalam talian

Pemboleh-pemboleh ubah yang diuji dalam hipotesis ini ialah pemboleh ubah tak bersandar (pengetahuan) dan pemboleh ubah bersandar (identiti unggul). Konstruk pengetahuan diukur dengan item pengetahuan am, pengalaman, penapisan bahasa, pengetahuan memuat naik, penapisan komen, dan penulisan status.

Hipotesis ini diuji dengan menggunakan statistik regresi linear. Aras signifikan 0.05 ditetapkan untuk menolak atau tidak menolak hipotesis nol. Hipotesis nol dalam kajian ini ialah, tidak terdapat hubungan antara pengetahuan dengan identiti unggul. Berdasarkan Jadual 3a, dapat dikenalpasti bahawa nilai min bagi identiti unggul ialah 3.17 manakalah nilai min bagi konstruk pengetahuan adalah: pengetahuan am 2.99, pengalaman 2.98, penapisan bahasa 3.69, pengetahuan muat naik 2.50, penapisan komen 3.82 diikuti penulisan status 2.48. Nilai sisihan piawai bagi identiti unggul ialah 0.97 manakala nilai sisihan piawai bagi konstruk pengetahuan ialah: pengetahuan am 0.94, pengalaman 1.08, pengetahuan muat naik 1.19, penapisan komen 0.98 dan penulisan status 1.17. Ini menunjukkan terdapat perbezaan antara min pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar.

Jadual 3a: Analisis Min dan Sisihan Piawai Konstruk Pengetahuan dengan Identiti Unggul

Pemboleh ubah	Min	Sisihan piawai
Identiti unggul	3.17	0.97
Pengetahuan am	2.99	0.94
Pengalaman	2.98	1.08
Penapisan bahasa	3.69	0.57
Pengetahuan muat naik	2.50	1.19
Penapisan komen	3.82	0.98
Penulisan status	2.48	1.17

N=391

Dalam ujian korelasi, kesemua item yang mengukur konstruk pengetahuan didapati mempunyai hubungan positif secara signifikan dengan Identiti Unggul, yang menjadi pemboleh ubah bersandar, pada aras 0.001. Jadual 3b menunjukkan nilai korelasi bagi item Pengetahuan am dengan Identiti Unggul yang tertinggi sekali iaitu 0.221, diikuti dengan Penapisan Komen sebanyak 0.216.

Jadual 3b: Analisis Korelasi Konstruk Pengetahuan dengan Identiti Unggul dalam Talian

Pemboleh ubah Pengetahuan	Pekali Pearson	Signifikan
Pengetahuan am	0.221	0.000
Penapisan komen	0.216	0.000
Penapisan bahasa	0.207	0.000
Pengalaman	0.201	0.000
Pengetahuan muat naik	0.161	0.001
Penulisan status	0.135	0.004

Jadual 3c pula menunjukkan nilai regresi (R^2) tiga pemboleh ubah bagi konstruk pengetahuan yang menyumbang kepada konstruksi identiti unggul dalam talian iaitu item pengetahuan am, penapisan komen dan pengalaman. Berdasarkan Jadual ini, didapati bahawa apabila diukur secara berasingan, nilai regresi bagi item pengetahuan am adalah 0.049, manakala apabila diukur secara melibatkan 2 item pengetahuan am dan penapisan komen pula, nilai regresi yang diperolehi ialah 0.86.

Seterusnya apabila tiga item berkenaan iaitu pengetahuan am, penapisan komen dan pengalaman diukur secara bersama, nilai regresi yang diperolehi pula ialah 0.102. Ini menjelaskan bahawa tiga item konstruk Pengetahuan iaitu pengetahuan am, penapisan komen, dan pengalaman menyumbang sebanyak 10 peratus sebagai prediktor kepada pemboleh ubah Identiti Unggul. Berdasarkan analisis yang dilakukan, kajian mendapati terdapat tiga item pemboleh ubah tak bersandar iaitu Pengetahuan Am, Penapisan Komen, dan Pengalaman sebagai prediktor kepada pemboleh ubah bersandar iaitu identiti unggul dalam talian. Tiga lagi item pemboleh ubah tak bersandar iaitu Pengetahuan Muat Naik, Penulisan Status dan Penapisan Bahasa diketepikan daripada analisis regresi kerana didapati tidak menjadi prediktor secara signifikan kepada pemboleh ubah bersandar Identiti Unggul dalam talian.

Jadual 3c: Analisis Sumbangan Konstruk Pengetahuan terhadap Konstruksi Identiti Unggul dalam talian

Pemboleh ubah peramal	R	R ²
Pengetahuan am	0.221 ^a	0.049
Pengetahuan am, penapisan komen	0.294 ^b	0.086
Pengetahuan am, penapisan komen, pengalaman	0.320 ^c	0.102

N=391; R= Pekali Pearson; R² = Nilai Regresi

Jadual 3d pula merupakan Analisis ANOVA. Analisis ANOVA menunjukkan bahawa nilai F adalah 14.670, $p < 0.001$. Justeru, Hipotesis nol ditolak. Nilai pekali bagi tiga item konstruk Pengetahuan adalah signifikan pada aras 0.05. Berdasarkan Jadual 4.13, nilai pekali Beta (β) bagi item-item iaitu Pengetahuan Am (0.160), Penapisan Komen (0.186), dan Pengalaman (0.132) adalah peramal kepada Identiti Unggul dalam talian. Tiga lagi item konstruk Pengetahuan iaitu Pengetahuan Muat Naik, Penulisan Status dan Penapisan Bahasa tidak menjadi peramal kepada Identiti Unggul dalam talian. Justeru analisis ini menunjukkan pengaruh pemboleh ubah tak bersandar pengetahuan terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu pembentukan identiti pengguna Facebook dalam talian adalah tertakluk kepada pengetahuan am, penapisan komen serta pengalaman.

Jadual 3d: Hubungan Konstruk Pengetahuan dengan Identiti Unggul dalam Talian

Pemboleh ubah peramal	F	β
Pengetahuan am		0.160***
Penapisan komen	14.670***	0.186
Pengalaman		0.132

N= 391; F = Nilai F; β = Nilai Beta

